

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 16 Mei 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PROGRAM RAKAN MUDA – KEJAYAAN IMPLEMENTASI
DAN JUMLAH PERBELANJAAN**

1. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) kejayaan implementasi program Rakan Muda untuk golongan belia di Malaysia. Apakah jumlah kewangan yang telah dibelanjakan di bawah perancangan ini dan adakah masalah wujud dari segi tenaga untuk mencapai kejayaan objektif-objektif Rakan Muda; dan
- (b) mengapakah program Jayawaris yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 13 April 1996 bagi pihak Biro Tata Negara tidak disatukan dengan program Rakan Muda kerana tujuan dan objektifnya hampir atau serupa dengan objektif Rakan Muda bagi mengelakkan pembaziran kewangan dan tenaga pihak kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari segi implementasi, Program Rakan Muda telah mencapai kejayaan berikut, iaitu:
 - (i) telah berjaya melibatkan 90% anak-anak muda yang mendaftar dalam aktiviti-aktiviti Rakan Muda sekurang-kurangnya sekali seorang. Perangkaan menunjukkan dari Penilaian Pelaksanaan Program Fasa Pengenalan, seramai

765,215 peserta dari 850,000 orang yang mendaftar telah mengikuti program-program tersebut;

- (ii) telah berjaya meningkatkan penyertaan NGOs dari segi penganjuran program. Sejumlah 62 persatuan/badan belia, Wajadiri, Rekreasi, Cinta Alam peringkat nasional telah bersetuju mengambil bahagian melaksanakan program;
- (iii) telah berjaya meningkatkan penyertaan swasta dalam pelaksanaan program di semua peringkat; dan
- (iv) telah berjaya memulakan Fasa II program iaitu Fasa Pembangunan di mana penekanan kepada pembangunan sikap dan sahsiah adalah agenda utama fasa ini.

Dari segi perbelanjaan, sehingga setakat ini sejumlah RM61.5 juta telah dibelanjakan merangkumi semua peringkat pelaksanaan.

Sungguhpun kementerian melaksanakan Rakan Muda, kapasiti Kementerian Belia dan Sukan dari segi kepegawaian adalah terhad. Gerakan yang lebih bersepadu dan menyeluruh diperlukan daripada agensi kerajaan dan NGOs kerana mereka mempunyai kepakaran infrastruktur, rangkaian organisasi dan jentera pelaksanaan di bawah penyeliaan mereka.

- (b) Program Rakan Muda dan Program Jayawaris walaupun ada terdapat persamaan dari segi pembinaan sikap dan sahsiah diri tetapi penekanan sasaran kedua-dua program ini adalah berbeza. Program Rakan Muda di bawah Fasa II memberi fokus dan tumpuan kepada belia berumur 18-25 tahun yang berada di luar sistem persekolahan dan mempunyai objektif khusus mengurangkan gejala-gejala negatif.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji kemungkinan mewujudkan kerjasama terutama bagi mengelakkan persamaan dan pembahagian kumpulan sasaran yang berkesan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi saya tidak dengar beliau mengatakan bahawa yang mendaftar diri juga termasuk muda-muda dari luar bandar. Jadi, soalan saya ialah berapa peratuskah muda-mudi luar bandar yang telah mendaftar dan apakah aktiviti-aktiviti yang dirancang bagi mereka dari luar bandar? Kalau tidak ada, kenapakah kementerian tidak berfikir pergi ke luar bandar?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya program Rakan Muda ini adalah satu program yang bersepadu dan menyeluruh. Kita pada khususnya tidak membahagikan sama ada program ini diagihkan di luar bandar atau di bandar serta mengikut mana-mana agihan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa sememangnya pihak kementerian memberi penekanan yang sewajarnya kepada belia-belia yang ada di luar bandar. Di dalam merangka aktiviti kita dan penyambutan aktiviti kita didapati bahawa belia-belia dari luar bandar begitu minat dengan program kita dan tidak benar jika ada anggapan bahawa program ini tidak langsung dibawa di luar bandar.

Saya ingin menekankan di sini bahawa kejayaan program Rakan Muda ini bukan tertakluk hanya kepada effor daripada kementerian, tetapi mesti diberi sambutan oleh masyarakat pada amnya dan khususnya NGOs yang ada. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan semua NGOs terutamanya yang bertempat di luar bandar supaya menyambut program ini dengan baik.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memasukkan bomba sukarela sebagai satu aktiviti dalam program Rakan Muda?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak dengar ada yang minat untuk mengadakan aktiviti bomba sukarela, tetapi walau bagaimanapun, saya akan utarakan cadangan ini kepada pihak kementerian.

AIDS DI KALANGAN PELAJAR – RANCANGAN MENANGANI

2. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan berkenaan dengan AIDS dan berapa banyak buah sekolah yang telah memulakan rancangan kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menjalankan beberapa rancangan bagi menangani masalah AIDS di kalangan pelajar. Pada umumnya, tumpuan program adalah kepada usaha-usaha pencegahan dan meningkatkan kesihatan. Antara program dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- (a) pendidikan Kesihatan yang dijalankan sama ada formal atau tidak formal;
- (b) penyediaan bahan-bahan pendidikan pencegahan AIDS;
- (c) penyediaan bahan-bahan untuk bantuan guru;
- (d) melatih guru-guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan pendidikan pencegahan AIDS; dan
- (e) mengadakan ceramah HIV dan AIDS di sekolah oleh pnceceramah dari Kementerian Pendidikan.

Semua sekolah di negara kita terlibat dalam Program Pendidikan Pencegahan AIDS.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan berapa ramaikah pelajar yang telah terlibat dengan AIDS? Jika ada, apakah unsur-unsur yang menyebabkan mereka berminat untuk mendapatkan AIDS?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat Kementerian Pendidikan yang terkini, sebanyak 33 kes jangkitan HIV di kalangan penduduk berumur 13 tahun ke bawah dan sebanyak 647 kes jangkitan di kalangan penduduk berumur di antara 13 tahun hingga 16 tahun.

Kementerian Pendidikan telah mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan hanya 13 pelajar yang dikenal pasti dijangkiti HIV/AIDS, manakala jumlah selebihnya adalah remaja yang bekerja dan terkeluar daripada sistem persekolahan.

Masalah jangkitan AIDS dan HIV ini berpunca daripada pelbagai faktor antaranya ialah jangkitan HIV transfusi bahan darah, mewarisi jangkitan AIDS daripada ibu bapa dan sebagainya, jadi, Kementerian Pendidikan susahlah kita untuk mengenal pasti faktor-faktor yang utamanya. Tetapi, Kementerian Pendidikan mengakui bahawa 13 kes itu ialah 13 kes yang merupakan kerugian kepada masyarakat dan Kementerian

Pendidikan akan mempertingkatkan cara-cara supaya pelajar-pelajar kita dapat dipertahankan daripada jangkitan ini.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan sama ada ada niat atau tidak supaya rancangan berkenaan dengan AIDS itu dijalankan di semua sekolah di negara kita ini agar supaya penuntut-penuntut kita menjauhkan diri daripada penyakit AIDS.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian Pendidikan berniat untuk menjalankan program itu di seluruh negara dan semua sekolah di negara kita adalah terlibat. Dalam konteks ini Kementerian Pendidikan bercadang bahawa kita turunkan program ini, kita masukkan program ini dalam program-program prasekolah supaya anak-anak kita di prasekolah pula boleh dapat kesedaran tentang fenomena ini.

ORANG ASLI – FAEDAH DARIPADA PEMBANGUNAN

3. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa kebelakangan ini terdapat kawasan-kawasan Orang Asli terlibat dalam program pembangunan penswastaan. Di antara yang sedang dilaksanakan seperti Kampung Busut - Sepang, Bukit Tunggul, Sungai Buah - Bangi, Bukit Lanjan - Damansara, Sungai Linggui di Johor dan Lembah Behrang di Perak

- (a) apakah faedah-faedah secara langsung dan tidak langsung diterima oleh penduduk Orang Asli tempatan; dan
- (b) apakah peranan mereka dalam program tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan hanya menerima cadangan untuk memajukan secara penswastaan kawasan simpanan Orang Asli di Bukit Lanjan sahaja. bagi kawasan-kawasan lain seperti di Kampung Busut Sepang, Bukit Tunggul, Sungai Buah Bangi, Sungai Linggui Johor dan Lembah Behrang di Perak adalah tidak melibatkan program penswastaan.

Mengenai cadangan untuk memajukan tanah simpanan Orang Asli di Bukit Lanjan, sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini masih lagi dalam peringkat perundingan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak syarikat pemaju. Dalam perundingan itu, wakil daripada jawatankuasa Orang Asli tempatan juga dijemput

mengambil bahagian. Kerajaan Persekutuan menyerah proses perundingan dan pelaksanaan program berkenaan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana tanah tersebut adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

PENUNGGANG MOTORSIKAL – PENYEDIAAN LALU LINTAS KHAS

4. **Tuan Ibrahim bin Daud** mitna Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerianya bercadang menyediakan laluan khas untuk motorsikal terutama di setiap bandar besar di seluruh Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar mengenai masalah pengguna-pengguna lebuh raya atau jalan raya terutama yang membabitkan penunggang dan pembonceng motorsikal kerana peratus tertinggi kemalangan jalan raya di seluruh negara adalah melibatkan pengguna-pengguna ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sedang menyediakan satu dasar untuk mengadakan laluan atau lorong khas motorsikal dalam pembangunan projek-projek lebuh raya/jalan raya Persekutuan. Dasar ini merangkumi beberapa kriteria bagi menentukan sama ada laluan atau lorng khas motorsikal perlu diadakan di sesuatu projek lebuh raya atau jalan raya berkenaan.

Kriteria-kriteria tersebut termasuklah menentukan peratusan motorsikal yang menggunakan lebuh raya bilangan isipadu kenderaan, tahap kelajuan kenderaan, kelas dan lokasi jalan dan kadar kemalangan yang melibatkan motorsikal.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan semasa yang telah diambil bagi mengatasi masalah penunggang-penunggang motorsikal termasuklah membaik pulih dan memperelok jalan terutama melebarkan bahu-bahu jalan sedia ada dan menurapnya supaya dapat digunakan sebagai laluan motorsikal. Kerja-kerja melebar dan menurap bahu jalan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di bawah Program Penyelenggaraan Jalan.

Bagi tahun 1996 sebanyak RM9.85 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pelebaran dan penurapan sepanjang 500 kilometer bahu-bahu jalan lebuh raya atau jalan raya Persekutuan. Di samping itu,

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira soalan ini hanya mengenai laluan khas untuk motorsikal sahaja.

Tuan Yong Khoon Seng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita bataskan pembahagian kerja.

Tuan Yong Khoon Seng: Itulah bangkitkan akan memperbaiki bahu-bahu jalan supaya ianya menjadi satu laluan untuk motorsikal, perkara itu ada di dalam jawapan kita juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan ini lebih daripada yang dikehendaki ya?

Tuan Yong Khoon Seng: Jawapan ini khusus juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Yong Khoon Seng: Okay. Di samping itu, kerajaan juga dari masa ke semasa mengadakan kempen mengenai keselamatan jalan raya melalui media massa dan media cetak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudahlah jawapan itu ya? ini hanya mengenai lalu lintas untuk motorsikal sahaja, yang lain itu saya rasa, kalau ada soalan tambahan itu bolehlah. Ini hanya mengenai laluan motorsikal sahaja.

Tuan Yong Khoon Seng: Itulah jalan raya di mana kita hendak mengubahkan jalan supaya bahu-bahu jalan boleh digunakan untuk....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya rasa kita bataskan....

Tuan Yong Khoon Seng: Okay, sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan melalui agensinya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedang dalam peringkat perancangan atau kajian untuk mengadakan laluan untuk lorong khas motorsikal bagi projek-projek lebuhraya atau jalan raya baru yang akan diswastakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan, pada anggapan kerajaan di bandar-bandar besar manakah sepatutnya diadakan lorong-lorong khas untuk laluan motorsikal?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawab tadi, kita telah membuat kajian di mana dengan kriteria-kriteria yang patut ada, di mana lalu lintas itu ratusan motorsikal yang menggunakannya dan di mana juga had lajuannya itu perlu dihadkan dan juga kalau di bandar-bandar besar di dalam sesuatu negeri jalan raya ini bukan Jalan Persekutuan, kita perlu juga kerjasama dari pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Tuan Hanipah hendak tahu bandar mana? Oh, jadi tidak dapat memberikan nama bandar?

Tuan Yong Khoon Seng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, baik.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, berapa banyakkah kemalangan motorsikal berlaku pada tahun 1995 dan juga 1996 dan berapa peratus daripada kemalangan ini terjadi kerana kelalaian pihak kontraktor semasa mereka memperbaiki jalan? Apakah langkah kementerian untuk mengatasi perkara ini daripada berterusan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perangkaan ini, ia tidak ada dalam tangan saya tetapi di sini saya hendak menjelaskan peratusan kemalangan melibatkan penunggang motosikal memang banyak, tertinggi sekali, lebih daripada separuh dan di sini juga saya hendak memberitahu bahawa saya juga ada anak-anak saudara, di rumah dia sopan, pendiam dan lemah lembut tetapi bila dia naik motorsikal, dia jadi terror, ini kita juga hendak memberi pendedahan kepada murid-murid sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Hashim Safin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mengambil soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan No.5

KWSP – PEMBAHAGIAN DIVIDEN

5. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa dividen KWSP bagi tahun 1995 hanya 7.5% sahaja sedangkan ekonomi bertambah dengan baik. Apakah langkah membina untuk memastikan KWSP mendapat keuntungan yang lebih besar dan dapat membahagikan dividen yang lebih tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EPF ataupun KWSP bukannya sebuah institusi kewangan sebaliknya merupakan institusi yang

bertanggungjawab untuk menjamin keselamatan sosial hari tua. Mengikut Akta KWSP 1991, KWSP hendaklah mengisytiharkan dividen pada kadar yang tidak kurang daripada 2.5% setahun. Prestasi kewangan KWSP iaitu pulangan daripada pelaburan KWSP tidak mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan ekonomi, walaupun negara mengalami kemelesetan ekonomi misalnya pada tahun 1975 dan 1985, KWSP telah mengisytiharkan dividen yang melebihi pertumbuhan ekonomi. Kadar dividen KWSP adalah stabil dalam jangka masa yang panjang dan tidak dipengaruhi oleh turun naik keadaan ekonomi. Apabila ekonomi mengalami kemelesetan pada pertengahan tahun 80-an, contohnya pada 1985, pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi adalah 1%, manakala kadar dividen yang kita beri adalah pada 8.5%. Pada tahun 1995, KWSP mengisytiharkan dividen 7.5% berbanding dengan 8.5% pada beberapa tahun sebelumnya. Kalau kita lihat Central Provident Fund (CPF) iaitu Institusi Keselamatan Sosial Singapura hanya mengisytiharkan dividen pada kadar purata 3.78% pada tahun 1995. Keupayaan KWSP membuat pembayaran dividen tahunan adalah berkait rapat dengan struktur alokasi asetnya iaitu pulangan daripada sekuriti Kerajaan Malaysia, arah aliran kadar faedah dan trend pemasaran saham. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ingin tahu berapa banyakkah KWSP mengeluarkan dana kewangannya bagi tujuan memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang mungkin tidak mampu untuk membayar balik seperti kemungkinan KWSP meminjamkan kepada Perwaja dan juga badan-badan lain. Jadi, kalau dapat kerajaan menjejaskan kemungkinan-kemungkinan kerugian yang akan dibebankan kepada KWSP yang sesungguhnya adalah bagi matlamat untuk hendak menyelamatkan masa tua mereka yang menyumbang.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat selalunya susah hendak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi cubalah jawab. *[Ketawa]*

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi, secara keseluruhan boleh saya katakan jenis pelaburan KWSP dari tahun 1990 hingga 1995, kalau kita tengokkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), tahun 1995 kita melabur 40.81%, pasaran wang 29.70%, pinjaman yang ditanyakan tadi hanya 17.86%, ekuiti 11.28%, hartanah 0.35% - Jumlah 100% dan kadar dividen 7.5%.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak silap saya, Dato' Aziz ingin tahu bagaimana menghadapi risiko besar daripada badan-badan ataupun syarikat yang tidak berfungsi dengan baik, meletakkan aset itu dalam keadaan risiko yang tinggi dan mengancam pulangan KWSP?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Jadi, Yang Berhormat Dato' untuk menjawab soalan itu, semua pinjaman yang dibuat oleh KWSP terutamanya kepada anak-anak syarikat kerajaan adalah dibacking oleh kerajaan, dengan izin.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memahami bahawa wang yang dimiliki oleh KWSP adalah milik pekerja dan pekerja juga berhak mengetahui ke mana wang-wang ini dilaburkan. Jadi, adakah KWSP bercadang, setiap tahun menghantarkan laporan mengenai ke mana wang-wang ini dilaburkan, kalau keadaan ini susah, sekurang-kurangnya diiklankan di dalam akhbar setahun sekali ke mana wang-wang ini digunakan kerana kita tidak mahu, wang ini telah hangus, seperti di Perwaja, - tidak tahu berapa milion, telah pun hangus, ada juga cadangan hendak melabur di Projek Bakun dan juga Projek LRT. Eloknya perkara ini dilaporkan setiap tahun kepada pemegang-pemegang ataupun pencaerum-pencaerum KWSP.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita tertakluk kepada akta yang diluluskan oleh Parlimen dan akta itu menyebutkan bahawa memadai bahawa semua perkiraan yang ada untung ruginya diisytiharkan di Parlimen sahaja. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu ingin mengetahui lebih lanjut bolehlah merujuk kepada EPF.

KEMALANGAN JALAN RAYA – USAHA TERKINI KERAJAAN

6. **Tuan Haji Othman bin Yunos** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha terkini pihak kementerian untuk mengatasi kemalangan jalan raya yang begitu serius.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat usaha-usaha terkini kerajaan dalam menangani masalah kemalangan jalan raya adalah:

- (i) mengambil tindakan untuk melaksanakan sistem pelesenan percubaan selama dua tahun bagi pemandu-pemandu supaya mereka benar-benar cekap sebelum diberikan lesen memandu kompeten;
- (ii) mengambil tindakan untuk melaksanakan peraturan larangan bagi penggunaan telefon bimbit ketika memandu;
- (iii) merancang bagi pembinaan lorong-lorong khas untuk motorsikal di lebuh raya dan di mana sesuai, tadi telah pun diterangkan oleh rakan sejawat saya;
- (iv) memastikan kontraktor-kontraktor yang sedang menjalankan pembinaan dan pembaikan jalan-jalan supaya meletakkan tanda-tanda isyarat dengan betul; dan
- (v) menggalakkan pemakaian topi keledar dengan betul dan mengikut mutu piawai dan memberi tumpuan aspek-aspek penyelamatan mangsa-mangsa kemalangan bagi memastikan mangsa-mangsa tersebut mendapat rawatan penyelamat seberapa sebera yang boleh. Ini telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, kementerian dan Majlis Keselamatan Jalanraya telah menganjurkan brain storming dan seminar di peringkat negeri bagi mengkaji kesan kempen, penguatkuasaan dan peranan Majlis Keselamatan Jalanraya sendiri. Pada tahun 1996, tumpuan diberikan kepada penunggang dan juga pembonceng motosikal kerana mereka adalah kumpulan yang teramai sekali yang mati akibat kemalangan jalan raya iaitu lebih kurang 60%. Di samping itu, kementerian juga mengalu-alukan dan memberi sokongan kepada mana-mana pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan ataupun pihak swasta ataupun mana-mana mereka yang berminat bagi menjalankan program keselamatan jalan raya seperti gerakan kemalangan sifar yang dianjurkan oleh Kelab Wargakota yang telah dimulakan beberapa bulan kebelakangan.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa kemalangan jalan raya di negara kita begitu tinggi dan saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah hukuman dan juga tindakan yang diambil

kepada mereka yang terlibat di jalan raya yang mengakibatkan kematian dan sebagainya cukup setimpal dengan incident yang berlaku?

Bagaimana pula dengan peraturan-peraturan jalan raya yang ada pada hari ini. Adakah peraturan-peraturan ini cukup mampu untuk mengawal kumpulan-kumpulan yang dikatakan sebagai road bully yang berleluasa di negara kita?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kemalangan-kemalangan jalan raya yang berlaku di negara kita walaupun dikatakan memang tinggi juga, namun demikian masih terdapat juga negara-negara lain yang tinggi, lebih daripada kita.

Namun demikian, kerajaan berasa tidak puas hati terhadap jumlah dan juga kes-kes kemalangan yang berlaku kerana kita kehilangan tidak kurang daripada 20,000 setiap tahun iaitu 5,716 pada tahun 1995 yang mati dan 15,000 lebih cacat kekal dan ini satu jumlah yang besar. Kalau dikalikan selama sepuluh tahun, kita akan kehilangan 200,000. Kerana itulah maka kesedaran masyarakat pada ketika ini nampaknya ada keprihatinan yang tinggi, tetapi penunggang-penunggang motorsikal dan juga pemandu-pemandu kenderaan sendiri yang tidak sayang kepada nyawa mereka dan tidak menghormati pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Kerana itu, tindakan tegas telah pun diambil oleh pihak polis dan juga JPJ yang mana kalau dikompaun, kita akan dikenakan minimum RM300. Misalnya kalau dia melanggar lampu merah, dia over cut dan sebagainya. Bagi kes-kes yang lebih daripada itu, mereka tidak dikompaun dan terus dihantar ke mahkamah. Ini pun nampaknya tidak menyerikan kepada pelanggar undang-undang keselamatan jalan raya.

Bagi kes-kes yang lebih berat, mahkamah telah memberi hukuman yang sepadan misalnya denda yang melebihi RM2000, ada yang lesennya ditarik dan digantung, tidak boleh memandu beberapa tahun setelah didapati bersalah oleh pihak mahkamah.

Namun demikian, kes kemalangan ini masih terus berlaku. Kerana itu, kementerian telah pun mengenal pasti beberapa langkah seperti yang saya sebutkan sebentar tadi untuk memperketatkan lagi peraturan termasuk yang terakhir ini kes telefon bimbit yang akan bermula pada bulan ogos dan juga lesen competent yang mana undang-undang meminda akan dibawa ke Parlimen, insya-Allah pada bulan Julai atau Ogos pada tahun ini.

Kita berharap dengan adanya lesen kompeten dua tahun ini dapat mengurangkan lagi kadar kemalangan. Tetapi akhirnya terletak juga kepada orang ramai. Kerana itu, ketika ini kita sedang mengusahakan supaya tindakan yang lebih kerana diambil oleh pihak-pihak polis dan JPJ.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita semua dianggap mengetahui undang-undang, tetapi Traffic Ordinance I adalah undang-undang yang ramai sangat orang melanggarnya. Tetapi sebelum mereka disaman atau dibawa ke muka pengadilan, mereka tidak bersalah.

Jadi, masalahnya kita ini takut kepada polis. Kalau ramai police petrol atau polis trafik di jalan raya dari utara ke Kuala Lumpur atau ke Johor, di tempat-tempat yang strategik, dalam 30 meter, mesti ada dua atau tiga motorsikal polis, apabila nampak kereta laju, dia akan kejar, saya rasa akan berkuranganlah kemalangan jalan raya dan berkuranganlah yang menyalahgunakan jalan raya ini.

Baru ini saya balik dari Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zuki

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta maaf, saya sambung sedikit hendak beri penerangan kepada Timbalan Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalannya begini. Dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, hari hujan, saya tengok kereta cukup laju. Sebab hari hujan, polis takut hujan, dia tidak ada di jalan raya. *[Ketawa]* Jadi, pemandu ini dia memandu laju, 130 atau 140 seperti kata Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu kelmarin. Kemudian, bila hari sudah tidak hujan atau hari panas, lagi laju. Sebab apa, sebab sudah tidak ada polis trafik di tepi jalan.

Saya dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur seorang pun saya tidak jumpa. Tetapi saya memandu 110 ke bawah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, soalan itu mengenai polis takut hujan ataupun soalan apa? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, polis trafik kita kurang sangat, betul atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Jadi, berapakah polis trafik yang kita ada dan ramaikah polis trafik kita ini dan diletakkan

di tempat-tempat strategik daripada Utara ke Selatan. Tidak akan berlaku kemalangan, insya-Allah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, polis telah pun menyatakan bahawa mereka kekurangan tenaga polis trafik pada ketika itu. Kerana itu mereka tidak dapat mengadakan kawalan yang constant. Dalam satu kes, ujian dibuat pada tahun lepas ketika polis trafik berada di dua atau tiga tempat yang selalu berlaku kemalangan dan dia ada di situ lebih kurang dalam 24 jam, sentiasa sahaja on the move, dengan izin, dan didapati kadar kemalangan turun.

Kerana itu, pihak polis telah pun meminta supaya kerajaan dapat menambah lagi bilangan polis trafik khususnya. Bukan ertinya setiap setengah batu hendak ada seorang polis. Tetapi kalau ada kereta polis dan sentiasa meronda, nampaknya pengguna-pengguna jalan raya di Malaysia lebih takutkan polis atau JPJ. Kalau dia nampak bayang-bayangnya pun, dia akan slow. Kerana itu, pihak polis sekarang ini sedang menunggu kalau dapat pertimbangan daripada kerajaan supaya menambah lagi anggota polis trafik.

TABUNG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA – PERBANDINGAN DENGAN NEGARA LAIN

7. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-
- (a) mengenai Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang dikendalikan oleh pihak kementerian bagi tujuan memperluaskan latihan guna tenaga berbanding dengan beberapa negara di rantau ini dalam bidang latihan vokasional; dan
 - (b) apakah ikhtiar kementerian untuk memastikan bahawa peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan untuk tabung ini dapat digunakan secukupnya dan tidak terbiar dalam bank semata-mata untuk memperolehi faedah bank sahaja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hanya Singapura mempunyai skim yang serupa dengan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia di rantau ini. Skim di Singapura ini

dipanggil Skills Development Fund, dengan izin, dan telah diwujudkan pada 1 Oktober 1979.

Secara umumnya, kedua-dua skim ini mempunyai banyak persamaan. Misalnya sektor-sektor yang diliputi dan kadar levi yang perlu dibayar oleh majikan.

Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan seperti di Malaysia, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia memberikan pilihan kepada golongan majikan dalam perusahaan kecil yang mempunyai pekerja dari 10 hingga 49 orang dan modal berbayar kurang dari RM2.5 juta, sama ada mahu menyertai skim tersebut atau sebaliknya.

Kadar levi yang dikenakan kepada majikan di perusahaan kecil dan sederhana ialah setakat setengah peratus daripada upah bulanan. Sebagai balasan, kerajaan akan memberi RM2 bagi setiap ringgit yang disumbangkan oleh majikan. Ini adalah suatu program untuk membolehkan pekerja-pekerja Industri Kecil dan Sederhana juga mendapat peluang latihan.

- (b) Kerajaan Persekutuan telah menyumbangkan geran penyama sejumlah RM55.52 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Jumlah tersebut adalah dikira pada nisbah 1:1 dijanjikan oleh kerajaan semasa kumpulan wang tersebut diwujudkan dan adalah bersamaan dengan jumlah kutipan levi bagi tahun pertama Majlis Pembangunan Sumber Manusia beroperasi.

Sumber kewangan utama terbesar bagi kumpulan wang itu adalah dari kutipan levi pembangunan sumber manusia daripada majikan-majikan yang diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992. Pendek kata, dana dalam kumpulan wang itu adalah kepunyaan majikan.

Bukanlah menjadi hasrat Kementerian Sumber Manusia untuk mengutip levi dan tidak menggalakkan majikan-majikan menggunakan peruntukan yang mereka layak. Semenjak Januari 1993 hingga 10 Mei 1996, kumpulan wang ini mempunyai peruntukan sebanyak RM270 juta

untuk digunakan oleh majikan bagi tujuan latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

Daripada jumlah itu, sebanyak lebih kurang RM202 juta, ataupun lebih kurang 75% telah pun diluluskan untuk latihan. Kementerian Sumber Manusia menerusi MPSM menawarkan sembilan skim latihan untuk menggalak dan memudahkan majikan menggunakan peruntukan berkenaan.

Skim-skim berkenaan adalah Skim Bantuan Latihan, Skim Pelan Latihan Tahunan, Skim Program Latihan Yang Diluluskan, Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan, Skim Pembelian Peralatan Bantuan Latihan, Skim Latihan Berkelompok, Skim Latihan Bersama, Skim Pinjaman Faedah rendah dan Skim Perantisan.

Sebagai dorongan tambahan kepada para majikan supaya lebih giat melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka, Majlis Pembangunan Sumber Manusia mengiktiraf latihan dalam semua bidang kemahiran untuk layak mendapat geran latihan. Di antaranya adalah bidang kemahiran teknikal, kraf, komputer, kualiti, produktiviti penyeliaan, termasuk bidang-bidang pengurusan, keselamatan dan kesihatan pekerja, pengurusan kewangan, pembentukan kumpulan, motivasi, kepimpinan dan sebagainya.

Latihan boleh diadakan secara latihan dalaman, latihan di tempat pekerjaan, di luar tempat kerja, latihan luaran dan latihan di dalam negeri termasuk latihan berbentuk distance learning, open learning dan computer-based training.

Dalam pada itu, majikan diberi tempoh maksimum 24 bulan untuk menentu caruman levi bagi sesuatu tahun. Levi yang dibayar bagi suatu tahun ini tetapi tidak habis digunakan selepas tempoh itu akan digunakan bagi pembiayaan Skim Pinjaman Faedah Rendah. Cara ini dengan sendirinya memberi suatu anjakan tambahan kepada majikan supaya mempergiat aktiviti latihan dan latihan semula pekerja mereka. Ini juga dilihat sebagai satu tekanan kepada majikan untuk memanfaatkan levi

yang mereka telah carum agar caruman itu tidak menjadi satu kos kepada syarikat mereka.

Berdasarkan kepada maklumat yang disebutkan di atas, sukalah saya memaklumkan bahawa bukanlah menjadi hasrat kerajaan untuk sengaja memungut levi dan mendapatkan faedah kewangan daripada sumbangan tersebut.

JURURAWAT LELAKI – CADANGAN MEWUJUDKAN LATIHAN

8. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah pihak kementerian bercadang untuk melatih pelatih lelaki dalam bidang kejururawatan; dan
- (b) jika ya, apakah bidang tugas yang akan dilaksanakan oleh jururawat lelaki, jika tidak apakah alasannya profesion ini dikhaskan kepada wanita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) adalah amalan Kementerian Kesihatan sekarang ini mengambil pelatih-pelatih wanita sahaja untuk mengikuti latihan kejururawatan;
- (b) tugas-tugas penjagaan pesakit atau nursing care, dengan izin, lebih sesuai dengan ciri-ciri dan perwatakan wanita. Sebenarnya Kementerian Kesihatan ada melatih pelatih-pelatih lelaki dalam bidang kejururawatan semenjak tahun 1951.

Walau bagaimanapun, ia terpaksa dihentikan pada tahun 1956 kerana kurangnya sambutan daripada calon-calon pelatih lelaki dan bantahan daripada Kesatuan Pembantu-pembantu Perubatan. Selepas itu pelatih-pelatih lelaki hanya menjalani latihan bersama-sama dengan pelatih-pelatih jururawat di tahun satu dan tahun dua latihan mereka sebelum membuat pengkhususan di dalam latihan pembantu perubatan di tahun ketiga.

Pada tahun 1971, pelatih-pelatih lelaki mula mengikuti latihan pembantu perubatan di sekolah-sekolah latihan pembantu

perubatan yang berasingan dengan menggunakan kurikulum latihan yang diubahsuaikan daripada kurikulum latihan kejururawatan. Pembantu-pembatnu perubatan yang dilantik ke jawatan masing-masing akan menjalankan tugas-tugas promotif, kuratif, preventif dan rehabilitatif di jabatan atau unit-unit kepakaran yang lebih sesuai dengan mereka.

Pada umumnya tugas dan peranan jururawat dan pembantu perubatan yang ada sekarang telah diterima dengan baik oleh masyarakat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa ramai daripada jururawat yang berpengalaman telah keluar berkhidmat dengan klinik swasta? Apakah langkah-langkah yang harus diambil oleh kerajaan bagi memastikan rawatan di hospital dan klinik-klinik di luar bandar ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat yang miskin?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini luar dari soalan asal.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi sebenarnya....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ia bersangkutan dengan perkhidmatan jururawat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini ialah kejururawatan. Jadi, soalan tambahan tadi berkenaan dengan kedoktoran.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Yang saya tanya 'jururawat', Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Doktor.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Jururawat. Yang saya maksudkan jururawat yang berpengalaman.

Dato' M. Mahalingam: Ulangkan soalan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sekarang ini sudah ada banyak klinik swasta, banyak jururawat yang terlatih yang dilatih oleh kerajaan telah berpindah pergi bekerja dengan klinik swasta.

Tuan Yang di-Pertua: 'Jururawat' bukan 'dokter'.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ini merugikan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Apakah rancangan kerajaan bagi memastikan supaya orang yang berpengalaman ini tidak berpindah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu ada kaitannya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan angka-angka yang kita ada di kementerian, tidak banyak jururawat yang meletakkan jawatan dan bekerja di tempat lain. Selepas mereka bersara, mereka mencari kerja di tempat lain. Itu pun kurang tetapi nampaknya sekarang, jawatan pun kurang. Macam sekarang ada lebih 1,200 kekosongan. So, it is very full.

KOPERASI – JUMLAH DAN PUNCA KEGAGALAN

9. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapa banyakkah koperasi yang terdapat di negara ini dan berapa banyakkah yang masih bergerak aktif. Apakah punca kegagalan koperasi dan apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 1995, jumlah koperasi di negara ini ialah sebanyak 3,554 dan daripada jumlah tersebut sebanyak 3,234 ataupun 91% adalah bergerak aktif dan berjalan maju.

Kegagalan koperasi pada asasnya adalah berpunca daripada masalah yang pertama, pengurusan dan yang kedua, masalah kewangan. Dalam menangani masalah pengurusan, Jabatan Pembangunan Koperasi telah mengadakan kursus-kursus dan bengkel pengurusan dan pentadbiran perniagaan koperasi kepada anggota dan pemimpin koperasi. Di samping itu, bimbingan dan tunjuk ajar serta penyeliaan yang berterusan diberikan kepada koperasi-koperasi yang memerlukan selain daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Angkasa.

Bagi koperasi yang menjalankan projek berdaya maju dan yang memberi manfaat kepada ahli, bantuan dan pinjaman kewangan juga diberikan sebagai langkah mengatasi masalah kegagalan koperasi. Pinjaman melalui tabung modal pusingan JPK bukan sahaja dapat mengatasi aliran tunai bahkan dapat juga menambah dan membesarkan modal pusingan koperasi dan seterusnya dapat memberi peluang untuk terlibat dalam berbagai-

bagai jenis aktiviti ekonomi yang lebih besar. Bantuan melalui peruntukan bantuan pembangunan koperasi JPK pula disediakan untuk memberikan insentif dan membantu koperasi yang menghadapi masalah pengurusan dan kelengkapan kedai.

Dalam pada itu, dengan melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan kawalan mengikut Akta Koperasi 1993, kerajaan berharap pengurusan dan pentadbiran koperasi akan lebih peka di atas kaedah-kaedah pengurusan yang baik untuk meningkatkan prestasi mereka.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah terdapat kes-kes salah guna kuasa menyebabkan kejatuhan sesebuah koperasi dan sejak Akta Koperasi 1993 diadakan berapa ramaikah lembaga pengarah ataupun kakitangan koperasi yang telah didakwa di mahkamah?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Bagi soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka. Kalau sekiranya Yang Berhormat mahu, bolehlah dihantar dengan pos kerana saya memerlukan notis.

Berkenaan dengan soalan yang pertama, seperti mana Dewan ini sedia maklum bahawasanya dari semasa ke semasa kita telah mendengar badan-badan koperasi yang telah diheret ke mahkamah dan ahli-ahli lembaga pengarahnya diambil tindakan. Jadi, untuk menjawab soalan yang pertama memang ada kerana khususnya permasalahan pecah amanah yang dilakukan oleh lembaga pengarah dan ini kita boleh mengikut dari semasa ke semasa mengikut media-media yang ada.

Dato' Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian berdasarkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, di mana 91% maju dan bermakna 9% yang gagal. Berdasarkan pemerhatian saya, saya hendak tahu bagaimana dengan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) yang tumbuh macam cendawan di seluruh daerah satu ketika dulu. Apakah KPD ini terjumlah dalam 9% yang gagal itu? Saya mohon kepastian.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya boleh dikatakan hampir kesemua KPD berjaya. Kadar kegagalan KPD adalah amat rendah sekali dan saya berbangga menyatakan bahawasanya kebanyakan KPD yang telah diwujudkan di dalam negara kita berjalan dengan baik. Sungguhpun tidak mendatangkan

keuntungan yang besar tetapi matlamat koperasi adalah bukan semata-mata untung, asalkan ianya dapat memberi manfaat kepada ahlinya.

SUKAN SEA 1995 DI CHIENG MAI, THAILAND – MENINGKATKAN PRESTASI

10. Tuan Kan Kok Kwan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada semasa Temasya Sukan SEA 1995 di Chieng Mai, Thailand baru-baru ini, kontinjen Malaysia kurang menyerlah dan Perdana Menteri telah meluahkan rasa tidak puas hati beliau tentang prestasi lembap negara. Wajarkah Menteri Belia dan Sukan menetapkan suatu sasaran baru melahirkan keputusan yang lebih cemerlang di Sukan SEA yang akan datang.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kontinjen negara ke Sukan SEA di Chieng Mai 1995 telah memenangi 31 pingat emas, 49 perak dan 69 gangsa. Diukur dari segi jumlah pingat emas yang dimenangi, ianya adalah berkurangan daripada yang diperolehi di Sukan SEA di Singapura pada tahun 1993 iaitu 43 pingat emas, 45 perak dan 65 gangsa. Namun demikian, kedudukan keseluruhan pencapaian kontinjen negara bertambah baik iaitu tempat keempat di Chieng Mai dibandingkan dengan tempat kelima di Singapura.

Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk menetapkan sasaran baru bagi melahirkan keputusan yang lebih cemerlang di Sukan SEA yang akan datang. Apa yang sedang dan akan dilakukan ialah untuk mempertingkatkan kerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan supaya rancangan latihan atlit dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawasanya salah satu sebab yang menentukan keputusan yang dicapai oleh pihak atlit-atlit di Malaysia ini ialah kerana pentadbiran badan-badan sukan ini, kadangkala kurang memuaskan. Kalau sekiranya pihak kerajaan sedar sila nyatakan manakah badan-badan sukan di negara kita ini yang dipelopori oleh pemimpin-pemimpin yang sepatutnya ditukarkan?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan sedar akan keadaan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana itu pihak kementerian telah pun mencadangkan bahawa satu

Akta Pembangunan Sukan diadakan supaya dapat pihak kementerian mengawal selia perjalanan semua persatuan sukan yang ada di negara ini.

Sebenarnya pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan adalah dikatakan seperti 'harimau tidak ada gigi'. Oleh kerana kita tidak boleh melakukan banyak perkara untuk mengawasi perjalanan dan pentadbiran persatuan-persatuan sukan yang ada. Tetapi insya-Allah satu hari nanti 'harimau yang tidak ada gigi' ini akan mengaum juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang kata 'taring' bukan 'gigi'.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Taring, taring!

Tuan Yang di-Pertua: Yang 'tidak ada gigi' itu selalunya anjing, *[Ketawa]*
Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Embong.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 11.

KAD PENGENALAN MERAH – MEMPERKETATKAN PEMBERIAN

11. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperketatkan pemberian kad pengenalan merah kepada warganegara asing dan adakah kerajaan bercadang mana-mana warganegara asing yang tidak memiliki kad pengenalan merah dihantar pulang ke negara masing-masing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak mengeluarkan kad pengenalan merah kepada warganegara asing melainkan yang telah diluluskan taraf penduduk tetap.

Kriteria-kriteria yang diambil pertimbangan adalah mereka itu yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang erat di samping kehadirannya memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa warganegara asing yang tidak memiliki kad pengenalan merah boleh masuk dan tinggal di negara ini atas PAS yang sesuai untuk tempoh tertentu. Sekiranya mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan namanya tidak disenaraihitamkan di dalam komputer Imigresen dan mereka dibenarkan berada di sini, oleh itu tidak timbul soal warganegara asing yang tidak memiliki kad pengenalan merah perlu dihantar pulang ke negara asal mereka.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pemegang-pemegang kad pengenalan merah akhirnya berpeluang untuk menjadi warganegara dan kalau ada peluang apakah cara-cara untuk mereka ini ‘berpeluang’ untuk menjadi warganegara Malaysia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pemegang kad pengenalan merah ini adalah merupakan penduduk tetap ataupun pemastautin tetap tanpa taraf kewarganegaraan.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan kita Perkara 19 mereka ini layak untuk memohon kewarganegaraan sekiranya mereka telah bermastautin lebih daripada 12 tahun dan mereka ini lulus dalam ujian bahasa Malaysia, selepas tapisan keselamatan dan sebagainya. Kalau yang diluluskan kewarganegaraan Malaysia, maka mereka boleh dapat kad pengenalan biru.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan di sini bahawa setelah dia mendapat kad pengenalan merah dan telah bermastautin dalam tempoh masa yang tertentu. Soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang menyemak balik peruntukan tentang pemberian kewarganegaraan kepada mereka yang memegang kad pengenalan merah, memandangkan bahawa kita sekarang mempunyai polisi membenarkan pendaatang-pendatang dari luar terutamanya untuk bekerja di sini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan tidak menggalakkan pendaatang-pendatang asing yang datang khasnya untuk kerja sahaja itu memohon kewarganegaraan sebab dasar kita ialah tenaga pekerja atau buruh ini kita perlu hanya untuk satu masa atau tempoh yang pendek sahaja iaitu bila negara kita memerlukan labour intensive industry. Apabila kita sudah sampai kepada satu tahap berteknologi tinggi, kalau kita benarkan begitu ramai orang menjadi warganegara, orang kita sendiri atau yang asal itu akan menghadapi masalah untuk mencari kerja yang baik.

BUMIPUTERA – KEDUDUKAN EKONOMI DAN KEKAYAAN

12. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan apakah bukti yang nyata bumiputera boleh dan mampu untuk merebut bersama peluang memperbaiki kedudukan ekonomi dan kekayaan dalam arus pertumbuhan ekonomi pesat yang didorong oleh kerajaan.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang memuaskan telah dicapai oleh masyarakat bumiputera sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan pada awal tahun-tahun tujuh puluhan hingga ke akhir 1995 iaitu di akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Kejayaan yang dicapai oleh bumiputera ini adalah dinyatakan dengan terperinci di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketujuh. Kemajuan tersebut boleh diukur daripada berbagai-bagai segi menunjukkan bahawa bumiputera boleh dan mampu merebut peluang memperbaiki kedudukan ekonomi dan kejayaan dalam arus pembangunan negara.

Dari segi pemilikan harta jumlah ekuiti yang dipegang oleh pelabur pada tahun 1995 adalah sebanyak 20.6% daripada jumlah ekuiti sektor korporat berbanding dengan 2.4% dalam tahun 1970. Di samping meningkatkan pemilikan ekuiti, bumiputera juga telah berjaya meningkatkan penguasaan mereka dalam sektor korporat. Sebagai satu petunjuk pada akhir tahun 1995, bilangan syarikat yang dikuasai lebih daripada 50% daripada modal berbayarnya oleh individu bumiputera telah mencapai hampir 19% daripada keseluruhan syarikat aktif yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat berbanding dengan kira-kira 17% pada tahun 1990.

Dari segi penyusunan guna tenaga pula terdapat beberapa kemajuan yang dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Peratusan bumiputera yang bekerja dalam sektor pembuatan telah melebihi peratusan yang bekerja dalam sektor pertanian. Peratusan bumiputera dalam kategori profesional dan teknikal serta kategori pentadbir dan pengurusan telah meningkat.

Bumiputera juga menunjukkan peningkatan peratusan mereka dalam pekerjaan profesional terpilih seperti jurutera, juruukur, doktor gigi dan lain-lain. Bumiputera juga telah berjaya menjadi usahawan dan menyertai perusahaan kecil dan sederhana yang strategik dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan moden.

Tempoh Rancangan Malaysia Keenam juga menyaksikan beberapa pengusaha bumiputera yang menjadi pemilik atau rakan utama dalam pelbagai perniagaan strategik seperti penerbangan, komersil, pengeluaran alat-alat telekomunikasi, pembinaan lebuh raya dan pembinaan bandar-bandar baru.

Pendapatan purata isirumah bumiputera telah meningkat pada kadar 9.3% setahun daripada RM940 setahun dalam tahun 1990 kepada RM1,600 setahun pada tahun 1995.

Kesemua pencapaian yang dinyatakan di atas, menunjukkan bahawa kemajuan yang memuaskan dalam kedudukan ekonomi bumiputera telah dapat dicapai. Ini juga menggambarkan kejayaan dasar kerajaan dalam mempertingkatkan dan memajukan lagi kedudukan ekonomi bumiputera. Usaha-usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan matlamat yang ditetapkan di bawah Dasar Pembangunan Nasional akan dapat dicapai sepenuhnya pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah pun memberikan penjelasan begitu panjang lebar. Saya mendengar tadi bahawa pegangan ekuiti bumiputera pada tahun 1995 sebanyak 20.6%. Jika saya tidak silap, Dasar Ekonomi Baru meletakkan *target* 30%. Apakah pihak kerajaan berpuas hati dengan pencapaian 20.6% pada tahun 1995 iaitu melebihi 5 tahun daripada tempoh DEB dan kurang daripada *target* yang ditentukan iaitu 30%, walhal kita belum lagi pun mencapai 30%. Jika kerajaan tidak puas hati, apakah langkah-langkah yang akan diteruskan oleh pihak kerajaan supaya menentukan pencapaian bumiputera dapat dicapai sebagaimana yang telah pun di buat unjuran dalam Dasar Ekonomi Baru?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan kurang berpuas hati dengan pencapaian yang dimaksudkan. Tetapi harus juga diingat bahawa kecapaian ini berlaku dalam suasana perkembangan ekonomi yang amat pesat. Setiap 8 tahun dalam pertumbuhan ekonomi dalam 8%, kalau dikira setiap 8 tahun dia berganda. Kek ekonomi berganda dua kali setiap 8 tahun. Maka pertumbuhan kita dengan kadar yang dimaksudkan walaupun 20%, tetapi *'leap forward'*nya begitu tinggi.

Namun demikian, kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh dalam macam dasar yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memastikan bahawa pencapaiasn bumiputera akan meningkat lebih tinggi lagi.

PENUNTUT MALAYSIA DI AUSTRALIA –GANGGUAN/UGUTAN

13. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada benar penuntut-penuntut Malaysia di Australia diugut oleh orang tertentu baru-baru ini; dan
- (b) sama ada insiden ugutan ini akan menjejaskan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Australia.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapannya, tidak; kerana kita diberitahu oleh pihak berkuasa tempatan di sini bahawa panggilan itu adalah dibuat oleh orang yang tidak siuman, dan ia biasa membuat panggilan yang sama ke pejabat-pejabat konsul Asia yang lain, dan kita dinasihatkan supaya tidak melayani panggilan itu.
- (b) Jawapannya, tidak

INDAH WATER KONSORTIUM –TINDAKAN MEMBATALKAN LESEN

14. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perkembangan perkhidmatan Indah Water Konsortium. Apakah benar Indah Water Konsortium menuntut bayaran perkhidmatan dan lain-lain lagi walaupun pada hakikatnya belum ada apa-apa perkhidmatan yang telah diberi kepada yang dituntut. Jika benar, adakah wajar bagi Indah Water Konsortium berbuat demikian, dan jika wajar, apakah usaha supaya mereka yang dituntut mendapat penjelasan yang sebenar di atas tuntutan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator tuan Haji Othman bin Yunus pada 22 Mei 1996, Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba pada 29 Mei 1996, Yang Berhormat Senator Tuan N. Marimuthu pada 5 Jun dan Yang Berhormat Senator Tuan Tan Swee Heung pada 6 Jun, sekali gus memandangkan soalan-soalan mereka menyentuh isu-isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Soalan yang dikemukakan boleh dikategorikan kepada dua isu, pertama mengenai aduan orang ramai ke atas caj pembentungan dan keduanya mengenai menamatkan kontrak pembentungan Indah Water Konsortium (IWK).

Mengenai caj pembentungan, kerajaan telah bersetuju IWK mengenakan caj mulai tarikh perkhidmatan diambil alih oleh IWK dari pihak-pihak berkuasa tempatan dan bukan dari tarikh menyedut enapcemar pertama dibuat. Ini adalah memandangkan modal kewangan asal yang berkehendakkan IWK membina sistem saliran dan loji-loji untuk menggantikan tangki septik individu.

Memandangkan orang ramai masih keliru dan masih menyoal caj pembentungan, kerajaan sedang mengulangkaji keseluruhan caj dan cara mengenakan caj. Ini akan diumumkan oleh kerajaan sendiri apabila telah diputuskan kelak.

Mengenai perkhidmatan IWK yang dikatakan tidak memuaskan, ianya perlu dilihat dari segi aduan yang diterima. Ada dua jenis aduan, pertama mengenai khidmat dan kedua mengenai bil. Dari segi khidmat, lebih kurang 46,000 aduan telah diterima dan hampir semua telah diselesaikan, iaitu hampir 90% atau 41,000 kes. Dari segi bil pula, sebenarnya jumlah aduan diterima hanya 1% daripada jumlah bil yang dikeluarkan dan lebih dari setengah telah selesai. Memandangkan prestasi demikian, tidaklah ada asas kuat untuk menamatkan kontrak IWK. Lagi pun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mula mengetatkan kawalan ke atas perkhidmatan IWK.

Mengenai tindakan salah laku IWK seperti melepaskan enapcemar ke kawasan yang tidak sepatutnya, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan memang membuat siasat dan akan mendakwa sekiranya didapati kena.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk dijawab mulut.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.” *[15hb. Mei, 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamalia binti Ibrahim, sila sambung perbahasan.

3.35 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya menyambung balik ucapan saya kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Ulang Tahun UMNO ke-50 telah mengemukakan beberapa kelemahan-kelemahan dan ranjau-ranjau yang masih perlu dilalui oleh murid-murid, termasuklah murid-murid Melayu terutamanya. Persoalan telah ditimbulkan mengapakah terjadi begitu? Saya ingin mencadangkan Kementerian Pendidikan mengamati dan mengambil tindakan tentang perkara-perkara yang telah dibentangkan terutamanya ketiadaan kaedah mengajar yang sesuai dengan ciri-ciri budaya dan minda pelajar Melayu. Kerana pada hemat saya, ini adalah merupakan akar umbi segala masalah kelemahan pelajar-pelajar Melayu.

Ramai penuntut kita di luar negeri telah mengakui bahawa kaedah mengajar di luar negara, contohnya jurusan perubatan United Kingdom adalah lebih mudah diikuti berbanding dengan pengajaran yang dibuat di Universiti Melayu. Begitu juga pelajar sains, lebih mudah difahami di Great 13, di Kanada daripada di kelas-kelas SPM di Malaysia.

Saya mencadangkan diwujudkan satu program *'teachers exchange programmes'*, dengan izin, yang lebih proaktif, yang membolehkan guru-guru kita ini dihantar ke luar negeri, ke sekolah-sekolah di luar negara untuk memberikan peningkatan pendedahan kepada kaedah pengajaran, selain daripada juga meningkatkan motivasi guru-guru kita di sini. Perkara ini sebenarnya juga telah dicadangkan oleh seorang bekas guru kepada saya tentang *exchange programme*, kerana seperti kita sedia maklum, antara sebab-sebab mengapa kita dapati masalah peningkatan prestasi murid-murid jua adalah kerana kurangnya motivasi guru-guru. Saya percaya dan yakin guru-guru bukan hanya memikirkan tentang imbuhan kewangan ekonomi, tetapi saya juga percaya guru-guru juga mengambil kira tentang imbuhan dari segi *'job satisfaction'*, dengan izin.

Berkaitan dengan perkara ini jua, saya ingin mencadangkan fokus diberi kepada pelajaran atau pendidikan di peringkat rendah, kerana adalah wajar murid-murid ini diberikan satu perasaan keseronokan belajar, atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *'having fun to learn'*, kerana buat masa ini kadang-kadang anak-anak kita sekolah-sekolah rendah merasa tertekan dengan begitu banyaknya, selain daripada membawa buku yang begitu banyak, banyaknya mata pelajaran yang perlu diikuti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Penerangan mengadakan rancangan Televisyen Pendidikan bukan hanya untuk murid-murid di sekolah, tetapi juga kepada orang-orang dewasa. Contohnya, dalam mata pelajaran Matematik, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, kerana mungkin ada di antara mereka yang ketinggalan semasa pergi sekolah dan tidak berpeluang lagi untuk belajar. Kerana dengan adanya kemudahan melalui televisyen, mereka boleh belajar dalam masa lapang mereka, dan saya juga berpendapat bukan ini sahaja untuk meningkatkan pengetahuan mereka, kerana kita tahu ada di antara orang-orang dewasa yang masih tidak tahu menulis. Ada juga yang tidak tahu membaca dan ada juga kurang fasih dalam matematik. Bukan sahaja ini akan meningkatkan pengetahuan mereka, tetapi saya percaya juga mereka akan dapat menjadi ibu bapa yang dapat mengajar anak-anak mereka. Saya percaya juga dengan cara ini kita dapat membantu mereka terutamanya yang di luar bandar untuk membantu anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek dari segi ekonomi pula ialah pembaziran. Kita tahu pembaziran menggalakkan inflasi. Pembaziran berlaku dengan sengaja atau

tidak sengaja dan di mana-mana termasuklah di Parlimen sendiri. Setiap tahun anggota Parlimen menerima pelbagai laporan tahunan, lazimnya dua naskhah dokumen disampaikan kepada kami. Kita perlu membawa balik tiap-tiap hari, sedikit-sedikit untuk mengelakkan daripada membawa kereta tolak apabila habis sesi. Walau bagaimanapun, tidak semua naskhah ini akan dimanfaatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita akan memilih satu salinan sahaja yang kita lebih selesa untuk menelitinya. Sesuai dengan langkah kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti, sudah sampai masanya perkara ini, walaupun dianggap kecil, diberi perhatian iaitu kita juga berusaha mengurangkan pembaziran kerana tiap-tiap salinan merupakan kos yang perlu dibiayai percetakannya.

Saya ingin mencadangkan supaya setiap anggota Parlimen menyatakan naskhah apa mereka perlukan dan mereka akan diedarkan naskhah dalam bahasa mana yang mereka rasa selesa. Walau bagaimanapun, bagi rang undang-undang itu kita terpaksa kena dua bahasa kerana tentunya kadangkala perlu membuat perbandingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang memperkukuhkan jentera pelaksanaan. Kita memang berbangga dengan pencapaian pembangunan negara melalui perancangan yang berkesan yang dilaksanakan. Pengalaman yang dilalui selepas 8 rancangan pembangunan 5 tahun menunjukkan bahawa kerajaan melalui agensi utamanya telah mempunyai merangka rancangan pembangunan makro negara yang menzahirkan kejayaan untuk dinikmati. Ini satu hakikat yang tidak dipertikaikan. Tetapi pencapaian kita untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup kepada rakyat akan bertambah baik sekiranya kita mengambil tekad memberikan perhatian yang lebih kepada soal makro, iaitu soal implimentasi atau pelaksanaan. Kita mesti sama gagah dalam hal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana kita pandai merancang. Isu-isu banjir, pembinaan rumah di atas tanah kerajaan, keruntuhan moral dan sebagainya jika diteliti ada kaitan dengan kegagalan kita memberi perhatian secukupnya kepada aspek pelaksanaan.

Begitu jualah dengan perkara-perkara di peringkat antarabangsa, bagaimana kita turut merasa sedih tentang apa yang berlaku kepada rakyat di Bosnia-Herzegovina. Soalnya, berapa ramai pula mereka yang hidup itu yang telah dilanda kedukacitaan dan hidup dalam daif ini kerana program bantuan tidak kesampaian. Di sini lagi sekali

kita mengatakan pelaksanaan itu kadangkalanya tidak dapat dilaksanakan pada tahap yang sepatutnya. Untuk kita dapat terus memantapkan jentera pelaksanaan negara, pada pandangan saya kita perlu mengkaji semula sistem pelaksanaan, terutama dari aspek pentadbiran negara. Mungkin perlu ada satu tindakan, dengan izin, *reinventing* atau mencipta semula jentera pentadbiran, kerana jentera pentadbiran perlu dilihat sebagai yang mengemudi atau *steering*, dengan izin, *the word govern from the Greek means to steer*. Mungkin pelaksanaan tidak perlu dibuat oleh jentera kerajaan kerana birokrasinya kurang efisien pada tahap yang tertentu dan juga mungkin terdapatnya pembaziran atau mungkin ketiadaan *flexibility* dan kadangkala kurang kecekapan untuk memberi tindak balas terhadap keperluan perubahan-perubahan kerana kesan sistem yang tidak mempunyai persaingan dan ketiadaan persaingan ini adalah merupakan satu stimulus untuk mempertingkatkan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peningkatan pengeluaran makanan. Manusia selagi hidup memang kita tahu memerlukan makanan. Negara yang bersikap bertanggungjawab sentiasa memastikan rakyatnya cukup bekalan makanan, sama ada bekalan sendiri ataupun diimport. Statistik telah menunjukkan import makanan telah meningkat sebanyak 8% setahun daripada RM4.5 bilion dalam tahun 1990 kepada RM6.7 bilion dalam tahun 1995. Bekalan beras juga menurun kepada 75% dalam tahun 1995. Saya menyokong usaha kerajaan untuk menambahkan bekalan makanan. Satu cara mungkin boleh difikirkan untuk kita memungkinkan alternatif makanan dan penggunaan intensif tanah yang subur. Saya juga mencadangkan pendapatan baru digunakan untuk pembangunan luar bandar, mengambil kira perancangan dalam konteks memodenkan pertanian ke arah menckupakan bekalan makanan negara. Mungkin juga kita boleh menghidupkan balik konsep Buku Hijau yang telah diperkenalkan dalam zaman Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu. Pada hemat saya keputusan kerajaan untuk mengadakan program menambahkan bekalan makanan negara juga perlulah dilihat sebagai satu cara untuk membantu petani-petani Melayu yang masih dikongkongi oleh kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin juga menyentuh tentang amalan demokrasi dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tanpa amalan demokrasi yang bersih dan yang dikawal selia oleh pihak keadilan atau kehakiman, negara tidak akan dapat maju, makmur dan menjadi mantap dan tentu sekalilah UMNO dan rakan-rakan Barisan Nasionalnya tidak dapat terus menerajui pemerintahan negara. Prinsip demokrasi dan federalisma perlu sentiasa dikaji dan dipinda amalannya mengikut keadaan semasa. Demokrasi yang ada perlu dilihat dalam konteks yang menyeluruh yakni meliputi juga etika dan moral dalam amalannya dan lagi sekali saya menyatakan bahawa demokrasi Malaysia perlu diubah mengikut perubahan semasa da ini telah dibukti dalam perkembangan demokrasi negara. Pinsip dan proses demokrasi tidak perlu kaku hingga menjadi apa yang dikatakan oleh Calvin Philips dalam bukunya “*The Arrogant of Democracy*”. Adalah dicadangkan satu penyelidikan dibuat untuk mengkaji kesesuaian pemakaian prinsip-prinsip demokrasi dan konsep federalisme terutamanya sistem kehakiman negara.

Kita sedia faham bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah melontarkan persoalan ini semasa konvensyen UMNO yang lalu. Saya yakin dan percaya kita semua perlu menyambut cetusan idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu untuk sama-sama direnungkan dan difikirkan agar apabila datangnya idea-idea baru, kita dapat menerimanya dalam semangat yang baik. Sebab kita sedia faham sesuatu sistem demokrasi itu memerlukan undang-undang, amalan-amalan dan peraturan-peraturan dan ianya hanya akan menjadi efektif jika ada satu jentera penguat kuasa yang berkesan. Ini saya sekali lagi ingin menyarankan satu badan jawatankuasa penguatkuasaan yang bebas perlulah diwujudkan di negara ini untuk dapat memberikan pelaksanaan dan penguatkuasaannya yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, seorang falsafah yang terkenal iaitu Hagel pernah berkata dalam bukunya ‘*Philosophy of Rights*’ – sesungguhnya manusia yang agung di sesuatu zaman ialah manusia yang dapat menyatakan perkataan kehendak zamannya, memberitahu zamannya apakah kehendak itu dan mencapainya, apa yang dilakukan adalah punca dan jiwa zamannya dan dia menjadikan zamannya satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali kita merasakan kita amat bernasib baik kerana Perdana Menteri kita adalah merupakan seorang manusia yang agung yang telah dapat hidup dalam satu zaman dan telah dapat menyatakan perkataan kehendak zamannya dan

setakat ini telah mencapai apa yang telah diperkatakannya. Saya percaya kita semua akan terus menyokong segala usaha-usaha beliau dan saya juga percaya kita juga akan mencapai matlamat yang telah dinyatakan oleh beliau.

Dengan kata-kata tersebut, saya menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

3.50 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian menyokong usul yang dibuat oleh saudara kita Tuan Itam Wali bin Nawan di dalam membahaskan Titah Ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-10, Tuanku Jaafar Ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengamati Titah Ucapan Ke bawah Duli Seri Paduka Baginda, kita dapati ucapan ini merupakan ucapan yang amat komprehensif, menyeluruh dan tentunya ia mempunyai natijah yang baik bagi Ahli-ahli Dewan dan seterusnya di setiap pelosok negara kita ini sebenarnya berpunca daripada satu sistem pemerintahan yang dapat mengamankan dan menguatkan negara dari segi ekonomi.

Kita dapati kestabilan dan keamanan yang wujud setelah mencapai kemerdekaan 31hb. Ogos, 1957 ialah kerana wujudnya satu persefahaman antara kaum di negara kita ini di mana selama 39 tahun kita mencapai kemerdekaan, negara yang bertuah ini hanya mempunyai empat orang sahaja Perdana Menteri.

Kita bermula dengan Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tuan Haji Abdul Razak dan juga kita berpeluang menerima wawasan yang dibawa oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan selepas itu Allahyarham Tun Hussein Onn dan kini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menerima satu keadaan sistem yang dilandaskan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu daripada itu dan kini telah pun meningkatkan martabat negara kita sehinggakan negara Malaysia merupakan sebuah negara yang bukan sahaja disegani tetapi dijadikan contoh sebagai negara yang maju dan yang akan menuju kepada tahap maju iaitu 'advanced' ekonomi. Setelah kita mengalami tahap pencapaian ekonomi lebih daripada 8% selama lapan tahun, kita yakin dan percaya

bahawasanya dasar-dasar yang digubal oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional yang menguatkan perpaduan di antara kaum telah pun berjaya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai satu sistem yang ajaib, sebagai salah satu anggota negara Asia Timur, 'East Asia', dengan izin, yang mempunyai satu ekonomi yang dipanggil miracle – ajaib.

Kita dapati pada waktu ini kita mempunyai satu cabaran yang amat hebat, di mana pekerja-pekerja daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Bangladesh, Thailand dan juga dari tempat-tempat lain menuju ke negara kita, membei khidmat dan juga menentukan supaya kegiatan-kegiatan yang memerlukan tenaga kerja dapat diisi terutama sekali di ladang-ladang dan juga saya diberitahu kali ini pun di kedai-kedai pun ramai mereka yang tidak faham Bahasa Kebangsaan, tetapi menjadi jurujual dan kita bimbang kerana kalaulah sekiranya Malaysia ini mempunyai ekonomi yang bergantung paut kepada tenaga-tenaga luar yang dianggap murah, ini akan menjejaskan total produktiviti atau total factor productivity yang kini menjadi asas perjuangan, asas dasar ekonomi kita bagi hendak menentukan supaya Malaysia bukannya sebuah negara murahan di mana kita hanya merupakan dan berupaya mengeluarkan barang-barang pembuatan di atas dasar tenaga yang murah.

Sebentar tadi, kita mendengar salah satu soalan yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan tabung khas yang dibuat oleh pihak kerajaan iaitu kumpulan wang pembangunan sumber manusia, saya tidak sempat hendak menanya satu soalan kepada beliau iaitu adakah pihak kerajaan kini mempunyai satu strategi bagi hendak menentukan supaya tenaga kita sendiri dapat digunakan sepenuhnya baik menerusi latihan yang pesat supaya kita tidak lagi menerima tenaga murah daripada luar dan meningkatkan tahap total factor productivity yang kini menjadi paradigma pembangunan ekonomi kita.

Kalau sekiranya kita tidak berbuat demikian, kita yakin dan kita percaya Malaysia tidak dapat bersaing dengan negara-negara yang mempunyai teknologi yang canggih bagi meningkatkan produktiviti menerusi sistem pembuatan yang mempunyai capital intensive kerana dari segi persaingan global antarabangsa ia memerlukan produktiviti seperti ini dan tidak hanya bergantung kepada komparatif ataupun comparative advantage, dengan izin, dari segi tenaga yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya tabung-tabung seperti kumpulan wang pembangunan sumber manusia ini dapat digunakan ke arah melahirkan tenaga mahir yang berupaya mengambil tempat kerja yang kini diisi oleh tenaga luar negara kerana tenaga luar negara bukan sahaja dapat memurahkan kedudukan ekonomi kita lebih-lebih lagi ianya merupakan satu kebocoran pertukaran wang asing yang amat tinggi.

Saya difahamkan sekarang ini daripada pekerja-pekerja luar yang datang ke negara kita ini, mereka telah pun menghantar pulang wang daripada gaji-gaji yang diterima ke tempat masing-masing – berbilion-bilion ringgi, saya tidak tahu berapa figurenya, tetapi terlalu banyak yang dihantar ke negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua: Berbilion-bilion?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, berbilion-bilion, jadi, begitu banyak – tak terkira kalau ikut duit ringgit saya rasa gerabak kereta api dari sini sampai dekat Butterworth pun mungkin penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, bergerabak-gerabaklah ya? *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dari segi sistem pendidikan yang kita berdebat dari tahun ke tahun dengan perubahan yang amat ketara. Kita tahu dan kita sedar kekuatan negara kita berpaksi kepada kedudukan generasi yang muda sekarang ini untuk hendak mengambil alih kesinambungan untuk meneruskan perjuangan.

Jadi, kalau sekiranya pihak Kementerian Pendidikan menggubal dasar-dasar yang begitu canggih dari segi hendak menginternetkan seluruh sekolah untuk hendak menentukan sekolah-sekolah ini mahir dari segi komputer, untuk hendak menentukan mereka ini dapat berkecimpung dengan baiknya dalam bidang sains, dalam bidang Matematik dan bahasa Inggeris, kita hendak tanya, adakah kita bersedia memberikan satu saingan kepada mereka di luar bandar dengan mereka di bandar. Kalau tidak, saya amat bimbang kerana dengan wujudnya dasar-dasar canggih ini, ianya tidak dapat menepati matlamat kita untuk hendak mempertingkatkan dari segi pendidikan kepada murid-murid di luar bandar yang masih lagi kurang dari segi prasarana atau infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang membolehkan mereka menerima cabaran yang dibuat oleh kerajaan ini.

Kalau sekiranya

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kalau sekiranya kita tidak memberi peluang kepada mereka di luar bandar untuk bersaing sama rata dengan mereka di bandar kerana wujudnya prasarana dan infrastruktur pendidikan yang menyeluruh dan yang mencukupi, saya bimbang, saya ulang, saya bimbang mereka akan terus dipinggirkan, terus tercicir. Jadi, apakah komitmen kerajaan yang kita kasihi ini, Kerajaan Barisan Nasional bagi menentukan supaya saingan ini sama rata, dalam bahasa Inggerisnya, an even playing field, dalam satu prasarana yang sama. Kalau sekiranya sekolah-sekolah di bandar mempunyai banyak komputer kerana wujudnya PTA ataupun PIBG yang kuat, yang mempunyai ibu bapa di sekitar sekolah itu, yang mempunyai anak di sekolah itu yang ada kemampuan untuk hendak menderma dan sebagainya, apakah bezanya sekolah itu dengan sekolah luar bandar di mana ibu bapa sebagai penoreh, peneroka dan sebagainya, tidak mampu untuk hendak menyumbangkan dari segi komputer dan kemudahan-kemudahan yang lain dan ini tentunya memberikan, dengan izin, handicap yang amat terus kepada murid-murid sekolah di luar bandar untuk bersaing sama-sama dengan murid-murid di bandar.

Jadi, kita mintalah Kementerian Pendidikan di bawah kepimpinan menteri yang muda seperti Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak untuk mencari jalan atau menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyahut cabaran untuk meninggikan tahap pendidikan negara seluruhnya dalam bidang sains, matematik, bahasa Inggeris dan dari segi pengajaran komputer supaya sekolah-sekolah di luar bandar diberi peluang yang sama dan kalau tidak kita kena slow sedikit dari segi hendak menggubal dasar-dasar yang sofistikated ini. Kalau tidak, kita akan terus meminggirkan mereka di luar bandar dan saya dapati ramai Ahli Dewan menyuarakan perkara ini dan amat tepat sekalilah kalau sekiranya satu jawatankuasa khas ditubuhkan semata-mata mencari jalan bagaimana

hendak menyamaratakan persaingan di antara murid di luar bandar dan murid di dalam bandar.

Di dalam hal ini juga saya ingin menyentuh apakah pihak kerajaan kini telah mengkaji setelah kita mencapai tahap pembangunan ekonomi yang begitu pesat, kesan-kesan terhadap sosio-separate masyarakat kita. Adakah pembangunan ekonomi memudaratkan dari segi disiplin anak murid kita. Adakah pembangunan ekonomi memencilkan ataupun memutuskan kesayangan anak kepada ibu bapa, adakah ianya mencetuskan satu pendekatan di mana dulunya kita mempunyai modernisation standard family, kini nuclear family, lepas itu mungkin tidak ada lagi unit yang disebut keluarga seperti yang berlaku di negara-negara maju yang lain. Adakah kita berkiblat hanya kepada materialisme semata-mata? Ini membimbangkan! Adakah satu kajian dibuat bagi menentukan sungguhpun kita meningkat dari segi ekonomi, keluarga kita masih lagi menyemai cinta dan sayang antara ibu dan bapa, antara suami dan isteri, antara yang muda dan yang tua, kalau tidak ianya akan memusnahkan negara maju kita kalau kita tengok sejarah kemusnahan negara-negara maju yang lain.

Jadi, kajian ini kalau dulu ada seru yang menyeru kajian-kajian tetapi kini saya nampak, entah siapa yang membuat kajian. Kita tahu ramai ahli politik mempunyai unit-unit think tank masing-masing, ada Mida, ada ini ada itu, kepada mereka yang mampu, yang tidak mampu mungkin tidak ada think tank dan kerajaan juga ada mempunyai think tank sendiri, ISIS dan MIER dan sebagainya. Soalnya siapakah yang membuat kajian khusus bagi menentukan kita membangun dari segi ekonomi tetapi kita tidak lupa dengan ikatan keluarga, dengan ikatan sosial yang wujud turun-temurun di dalam masyarakat Timur, tidak kira orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Iban, orang Kadazan kerana kita adalah rumpun bangsa Timur yang mempunyai nilai budaya yang amat baik dan nilai itu kita bimbang, ianya mungkin runtuh di atas pencapaian ekonomi yang amat tinggi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kepada murid-murid sekolah yang menyedari bahawa sekarang ini Kementerian Pertahanan telah pun membuat satu akta untuk melonggarkan dari segi pemindahan ahli-ahli tentera ini dari segi menyumbangkan tenaga di luar negara dan juga di negara kita, saya difahamkan. Saya ingin menyeru terutama kepada sekolah-sekolah yang berasrama penuh mengimport sarjan-sarjan supaya masuk menguatkan

disiplin di sekolah-sekolah. Rotan, saya amat tidak yakin ianya boleh menguatkan disiplin, saya ingin kalau boleh biar Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pertahanan bergabung tenaga mencari jalan bagaimana murid-murid sekolah kita terutama asrama penuh, dulu kita buat, bangun pagi-pagi sembahyang subuh, lepas itu kawad sedikit-sebanyak, pergi sekolah. Lepas itu ada program-program yang boleh menentukan disiplin mereka dapat kita kawal dengan baik.

Sekarang ini kalau kita pergi ke asrama-asrama macam MRSM dan sebagainya, kita dapati sungguhpun agama misalnya, menuntut dari segi kita menjaga kebersihan, kalau kita lawatan ke sekolah-sekolah ini, kita dapati tempat mandi mereka, tempat mereka pergi bersuci dan sebagainya amat dahsyat sekali dan di mana wujudnya disiplin kalau kita tidak boleh menyuci tempat kita sendiri, tempat kita mandi-manda dan sebagainya. Ini tidak kiralah tempat makan saya tidak tahulah bagaimana.

Jadi, saya mohonlah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan kerana sekarang ini kita sudah aman damai, komunis pun sudah tidak ada hendak mencabar kita. Askar-askar yang ada ini kita tengok, bagaimana mereka dapat diresapkan untuk disiplin semata-mata, ke sekolah-sekolah, badan-badan belia bagi menentukan generasi kita yang ada hari ini mempunyai disiplin tanpa rotan. Jadi, rotan ini lain sedikit psikologinya, dulu sungguhpun kita, saya pun pernah kena rotan kerana kita sekolah tahun 50-an, sungguhpun masih muda nampaknya, tahun 50-an dan 60-an, kita ada guru-guru yang pernah menggunakan rotan dan kita tidak kecewa kalau kena rotan kerana kita menghormati guru-guru kita. Jadi, sekarang hormat-menghormati ini kita tanam dengan baik dan kita tingkatkan disiplin. Yang saya tengok yang berleluasa sekarang ini, nampak gayanya disiplin menurun, akhlak menurun atas peningkatan pembangunan ekonomi yang amat pesat.

Jadi, satu kajian kalau boleh dibuat oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab, dapat kita menilai kembali hasrat kita melahirkan generasi yang berakhlak, yang berketrampilan, yang beriltizam untuk menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dari segi penyelidikan dan pembangunan. Saya juga risau kerana kita dapati sungguhpun, saya difahamkan RM1.8 bilion wang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dalam bidang penyelidikan dan pembangunan tetapi kita tidak nampak relevannya pendidikan dan

pembangunan ini untuk menentukan ekonomi negara kita ini dapat bergantung dengan satu teknologi khusus bagi tujuan kita sendiri. Misalnya, kita tidak cukup tenaga kerja untuk menoreh getah, banyak getah sekarang ini terbiar kerana tidak ada tenaga kerja.

Begitu juga kita sekarang ini berdepat dengan kelapa sawit, pokok-pokoknya tinggi-tinggi. Saya difahamkan banyak peneroka FELDA sekarang ini telah diserang penyakit buah pinggang, bukan kerana kerja kuat di rumah, kerana kerja kuat di ladang, jadi ini satu hal juga pasal pokok-pokok sampai 20 kaki, kalau sudah 15 tahun ke atas itu memang tinggi sangat, jadi kalau hendak mengecop buah, satu istilah peneroka, hendak menjatuhkan buah itu mereka terpaksa berpaksi kepada tulang belakang dan juga buah pinggang. Jadi, tidak semena-mena buah pinggang sakit, kerja di rumah pun kurang dibuat dan ini pun menyedihkan juga. Jadi, kalau sekiranya PORIM atau mana-mana badan cepat-cepat mengutamakan, memberi fokus utama kepada penyelidikan bagaimana kita hendak membantutkan, saya dengar sudah ada, membantutkan pokok kelapa sawit, sungguhpun 20 tahun, 25 tahun sebelum kita tebang hanya tinggi sedikit sahaja daripada saya, misal katakan. Jadi, senang hendak ambil buah, pakai tolak sahaja ataupun ada cara lain memekanisasikan untuk hendak mengambil buah-buah ini, secara menyeluruh, secara mudah, murah dan menyeluruh.

Begitu juga dengan menoreh getah, dulu dia ada puncturenya lepas itu dikutip tetapi sekarang ini ianya tidak berleluasa juga. Adakah kerana klon baru ataupun ada cara baru bagi hendak menentukan kita menanam pokok-pokok getah seperti yang kita buat sekarang, tanam semula dan sebagainya tetapi ada orang yang hendak mengambil getah tiap-tiap pagi atau bila-bila masa kerana sekarang kita ada mempunyai sistem baru.

Jadi, di sini saya hendak tahu penyelidikan dan pembangunan yang relevan. Banyak sangat pusat-pusat penyelidikan. Universiti pun begitu juga. Saya ada mencadangkan pada satu ketika dahulu adakah universiti-universiti tempatan yang 10 buah yang kita ada sekarang ini dituntut membuat satu agenda tahunan untuk memberitahu kementerian yang tertentu seperti Kementerian Pendidikan, inilah penyelidikan yang hendak kita buat supaya ianya tidak bertindih.

Kadangkala kita tahu universiti “A” buat satu penyelidikan, “B” buat sedikit, PORIM buat sedikit, Universiti Pertanian buat sedikit, jadi semuanya sedikit-sedikit,

tidak ada yang mendalam. Kita hendak benda-benda yang kita buat betul-betul mendalam supaya hasil yang kita dapat daripada situ dapat kita gunakan dengan baik.

Jadi, perebutan dana kewangan penyelidikan dan pembangunan, kita hendak kerajaan buat seperti itu supaya universiti-universiti memberitahu kepada pihak kerajaan tahun 1996 sehingga 2000, ini dia agenda penyelidikan yang kita hendak buat dan ini dia profesor yang membuatnya. Jadi, bila ada satu Jawatankuasa Khas menentukan, “ya, Universiti Malaya boleh buat ini, yang ini boleh buat itu” kerana ada hubungkait dengan mengkomersilisasikan atau memperdagangkan keputusan penyelidikan itu bagi kegunaan yang amat relevan kepada pembangunan ekonomi kita. Jadi, di sinilah terletaknya kebijaksanaan kita menggunakan punca kewangan yang banyak bagi mendapatkan satu produktiviti yang tinggi dari segi penyelidikan dan pembangunan. Jadi, kita syorkan kepada pihak kerajaan supaya cepat-cepat kita buat satu jawatankuasa khas meneliti permohonan-permohonan penyelidikan dan pembangunan yang dibuat oleh institusi pengajian tinggi dan juga badan-badan lain supaya ianya dapat disamakan dan diintegratekan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh, kerana sekarang ini kita dengar Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyebut bagaimana hebatnya punca pendapatan negara dari segi pelancongan dan saya semalam bertanya adakah kita hendak buat landasan kapal terbang antarabangsa di Pantai Timur kerana kita hendak wujudkan satu utara kerana kita tidak tahu seramai mana pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini mempunyai tujuan untuk ke Kuantan, Terengganu, Kota Bharu, Tioman, Pulau Redang misalnya atau mereka hendak pergi ke Pulau Pinang. Final destination atau destinasi yang muktamad, yang akhir itu, di mana mereka hendak pergi?

Kalau mereka semuanya hendak pergi ke Pantai Timur, wujudkan satu landasan kapal terbang, upgradekan yang ada di Kuantan sebagai pintu masuk ke Pantai Timur Pantai Timur sekarang ini amat kaya dengan khazanah alam sekitar yang semula jadi. Sebelum ianya pupus, kita hendak jaga baik-baik kita hendakkan pelancong-pelancong datang ke sana secara direct. Kelab Mek pun ada di sana, dekat Besut itu ada Pulau Perhentian dan Pulau Redang, indah-indah.

Langkawi pun kita tidak menyatakan tidak indah. Tetapi saya rasa kalau dibandingkan dengan pulau-pulau lain, kita akan terperanjat, Pulau Tioman antara 10

pulau yang tercantik di dunia. Ini diiktirafkan oleh masyarakat antarabangsa. Tetapi soalnya sekarang, hendak pergi ke sana pun bukan main susah. Kapal terbang pun jarang-jarang pergi kerana landasan kapal terbang itu belum lagi dipanjangkan untuk menerima pesawat Boeing 737. Ianya hanya menerima pesawat yang kapasitinya 20 orang sahaja. Jadi, saya hendak syorkan supaya kita sama ratakan. Kita kaji dahulu, selepas itu kita perluaskan lagi peluang pelancong-pelancong ini untuk pergi melancong ke tempat-tempat yang berbeza-beza.

Jadi, inilah kalau sekiranya kita dapat berbuat demikian, saya yakin dan percaya kita dapat tingkatkan lagi dari segi pelancong datang ke tanah air kita ini. Saya juga bimbang kalau sekiranya banyak sangat pelancong-pelancong ini, baik pelancong luar negara dan juga pelancong domestik, saya bimbang kita mempunyai mentality kolonial.

Pernah satu ketika semasa saya di Hong Kong, ada satu iklan dalam televisyen. Iklan itu menunjukkan bagaimana orang Cina Hong Kong sendiri dianaktirikan oleh pelayan-pelayan di hotel kerana mereka berupa Cina dan tidak berupa Orang Putih atau Mat Saleh. Jadi, satu hari, dalam iklan, dia panggil seorang Cina yang ada rupa Mat Saleh sedikit, dia taruh rambut yang perang sedikit. Dia masuk, selepas itu dia menerima layanan yang amat baik oleh mereka di Hong Kong di kedai-kedai kopi ataupun di hotel-hotel besar kerana dia ingatkan orang yang datang itu berambut perang, Orang Putih atau Mat Saleh. Jadi, mereka berebut hendak beri layanan kerana mungkin tipsnya baik dan sedap, seronok hendak memberikan layanan yang baik kepada Orang Putih ini. Selepas itu diangkatnya rambutnya, "Saya bukannya Orang Putih, saya orang Cina juga, macam awak".

Jadi, ini menunjukkan bahawa di Hong Kong pada satu ketika mempunyai kebimbangan yang amat sangat terhadap bagaimana mereka yang melayan di tempat kita ini mendiskriminasikan orang mereka sendiri kerana ramai sangat pelancong-pelancong luar negara yang berkulit putih kononya banyak duit, tetapi kadangkala orang Putih ini pun bukannya banyak sangat duit! Ada juga yang pakai bag packing, ke hulu ke hilir duduk dan bayar di tempat yang murah, tetapi kita berebut-rebut sangat hendak memberikan layanan yang amat istimewa.

Jadi, saya tidak mahu kalau terlalu ramai pelancong-pelancong datang dari luar negara, kita tidak ada masa untuk pelancong-pelancong di dalam negara kita sendiri.

Yang hendak pergi ke Langkawi, ke sini atau ke sana, kita didiskriminasikan oleh orang kita sendiri, pelayan-pelayan kita di hotel dan sebagainya seolah-olah mereka tidak penting lagi dari segi menyumbang kepada sektor pelancongan negara yang begitu hebat berkembang.

Jadi, atas kebimbangan itu, kita hendak menyarankan kepada pihak Kementerian Pelancongan supaya berhati-hati memberikan latihan yang baik kepada mereka yang secara direct berdepan dengan pelancong-pelancong ini menghormati semua pelancong dengan tidak mengira mana mereka datang dan warna kulit dan apa jenis manusia mereka itu supaya kita sendiri berasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk menentukan ekonomi kita terus membangun, kita dapati kerajaan sekarang ini banyak memberi peluang kepada anak bangsa, terutamanya mengambil bahagian dalam sektor penswastaaan bidang-bidang perkhidmatan kerajaan dan kebanyakan mereka ini adalah anak bangsa yang berjaya, yang proven dan mempunyai rekod baik dari segi perniagaan dan sebagainya yang diberi peluang, kadangkalanya eksklusif untuk mengambil bahagian dalam bidang penswastaaan. Di Dewan sebelah, kita dapati ada Ahli-ahli Dewan yang mengesyorkan supaya mereka ini berbakti pula kepada mereka yang daif dan kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan kerajaan yang kini telahpun diswastakan.

Saya ingin hendak menyentuh tentang lebuhraya. Kita dapati sekarang ini Lebuhraya Utara-Selatan, dengan wujudnya lebuhraya itu, sehinggakan perkhidmatan MAS sendiri pun terjejas kerana pergi ke Ipoh Perak, lebih baik menggunakan jalan PLUS ini, bawa kereta, sejam setengah sudah sampai. Dan saya belum buat lagi, tiga atau empat jam ke Pulau Pinang, misal kata. Saya katakan 4 jam.

Saya sudah pergi ke Johor Bahru, dua atau tiga jam, kalau kita laju sedikit, kalau tidak ada polis, kita dapat sampai ke sana dalam masa yang singkat kerana kita hendak gunakan kereta itu untuk merayau di Johor Bahru atau ke Singapura dan sebagainya. Tetapi ini dibuat oleh pihak swasta dan kita rela membayar tol. Tetapi kita masih ingat, sebenarnya, selain daripada tol yang diterima oleh pihak kerajaan melalui peratusan dan sebagainya, ianya adalah tanggungjawab kerajaan.

Kalau East-West Highway, North-South Highway atau Utara-Selatan dan sebagainya dibuat oleh swasta kerana dari segi jumlah kereta atau jumlah mereka yang

menggunakan lebuh raya menguntungkan mereka yang membuat jalan, tempat yang tidak untung hendak buat jalan, kita mintalah pihak kerajaan menggunakan duit sendiri, duit kerajaan! Ini tidak, dia pun hendak memikirkan bagaimana pula PLUS hendak membawa ke Pantai Timur seperti Kota Bharu, Terengganu, Kuantan dan Singapura, kita pun hendak jalan seperti itu. Jadi saya mengesyorkan kepada pihak kerajaan kalau sekiranya satu-satu tempat itu tidak menguntungkan dari segi hendak diswastakan dan pihak swasta tidak hendak masuk kerana kutipan daripada tol yang tidak banyak, kita syorkan pada masa yang sama supaya tidak terpinggir orang di Pantai Timur; kerajaanlah patut buat lebuh raya yang besar itu. [*Seorang Ahli menyokong*] Ha! Sudah disokong oleh sahabat saya dari Kelantan. Saya dari Pahang, saya amat menyedari kalau hendak naik kereta dari Kota Bharu melalui Terengganu sampai ke tempat yang saya pernah duduk di Kuantan terus ke Kota Bharu, bukan main teruk jalan. Walhal supaya kita hendak menentukan supaya pembangunan ini seimbang. Kerana wujudnya lebuh Raya Utara-Selatan, pembangunan di pinggir jalan raya sekarang ini amat pesat sekali dan kita di sebelah Pantai Timur menonton sahaja kepesatan pembangunan. Di zaman kolonial pun begitu juga, tidak ada bezanya mentaliti. Minda itu tidak berbeza. Pada zaman koloni pun dulu, jalan kereta api misalnya dibuat dari Port Weld, Port Swettenham, ini nama-nama zaman dulu ini. Lepas itu semua tempat itu dibangunkan dan di Pantai Timur tidak ada jalan kereta api di antara Johor Bharu, Kuala Terengganu, Pekan dan terus ke Kota Bharu. Hendak pergi ke Kota Bharu dari Kuala Lumpur, kena ikut Gemas. Dari selatan terus ke utara tidak ada. Jadi, saya hendakkan kerajaan yang berwibawa hari ini kalau sekiranya pihak swasta dapat buat jalan, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan yang tidak menghiraukan keuntungan, tidak menghiraukan bottom line seperti pihak swasta, membuat jalan itu bagi mengimbangkan pembangunan.

Ini termasuk Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak lupa kepada Sarawak dan Sabah. Tidak lupa. Tempat-tempat seperti ini kerana tidak ada volume, tidak ada kepesatan dari segi jumlah kenderaan yang menggunakan, di situlah kerajaan patut mencurahkan kewangan daripada keuntungan yang dibuat oleh PLUS, oleh mana-mana pihak swasta tadi, kita agihkan pula kemudahan yang sama kepada tempat yang tidak dapat memberi keuntungan kepada pihak swasta tetapi ianya akan memberikan keselesaan yang amat sangat.

Tidak ada yang cemburu, tidak ada yang irihati kerana sungguhpun kita tidak hendak dilamar oleh pihak swasta, pihak kerajaan memberikan perkhidmatan yang sama. Jadi, pemikiran semacam ini perlu kita cetuskan supaya tidak ketinggalan. Tidak terpinggir masyarakat yang sentiasa menyokong kerajaan demi tiap-tiap pilihan raya memberikan kemenangan bagi hendak menentukan keutuhan kerajaan yang ada pada hari ini supaya dapat terus merancang dari segi pembangunan ekonomi yang saksama dan sama rata.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, sama ratakanlah pembangunan supaya setiap pelusuk negara kita ini tidak ketinggalan dan tidak dipinggirkan termasuklah negeri-negeri di Pantai Timur dan negeri-negeri saudara kita di Sabah dan Sarawak.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja kerana dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini pun kita berpeluang untuk berucap panjang lebar berkenaan dengan perancangan ekonomi dan sebagainya. Saya sekali menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan.

4.24 ptg.

Puan Faridah binti Abu Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk berucap membahas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu membuka Majlis Parlimen pada akhir Mac lalu.

Banyak aspek penting yang disentuh dalam Titah Ucapan Diraja itu. Antaranya ialah mengenai dasar pendidikan teknikal, mengukuhkan institusi keluarga dan masyarakat penyayang, peranan dan sumbangan positif kaum wanita, aspek kepenggunaan, industri luar bandar, perumahan kos rendah, kemudahan kesihatan dan pertanian moden.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan adalah penghidupan. Keraguan dan kejahilan adalah kematian. Demikian kata-kata hikmat pujangga dan pemikir Islam silam. Oleh itu, untuk menjelmakan keyakinan dan ketamadunan yang boleh dibanggakan dan diwarisi sejagat mestilah berdasarkan kepada ilmu pengetahuan dan penimbaan pengalaman dalam bidang-bidang yang diceburi. Reformasi pendidikan yang semakin menjadi nyata kini berada pada tahap yang kian terserlah. Memang kena pada masanya Titah Diraja

menekankan pada pentingnya dasar pendidikan teknikal yang akan menjadi dasar kemajuan negara. Dalam bidang sains dan teknologi, di abad yang akan datang ini, langkah memperbanyakkan bilangan sekolah vokasional dan maktab teknik di dalam satu langkah permulaan ke arah itu. Kelahiran lebih ramai pelajar mahir dalam pelbagai bidang sains dan teknologi akan dapat mempersiapkan mereka untuk menjayakan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat disangkal, dengan kemahiran yang ada dapat juga menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera dalam bidang perusahaan dan pembuatan dan tidak lagi tertumpu kepada bidang khidmat sokongan seperti kraftangan, makanan ringan dan perabot semata-mata. Dengan ini, hasrat untuk menambah jumlah usahawan Melayu dalam bidang franchise dan vendor, alat-alat ganti kenderaan, jentera berat, automobil dan lain-lain akan tercapai dalam masa yang singkat. Maka tidak perlu lagi kita bergantung kepada kepakaran asing untuk mengeluarkan semua peralatan teknikal dan berat. Memandangkan ini terbukti kemampuan negara melahirkan jenama-jenama indah dan megah seperti Saga, Iswara, Wira, Satria, Perdana, Kancil, Rusa dan kini Tiara.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan terhadap peningkatan kemudahan kesihatan di negara ini akan menjadi realiti apabila kerajaan berhasrat mengurangkan duti import dan cukai jualan untuk semua peralatan perubatan. Ini bolehlah menggalakkan pengurangan kadar bayaran klinik swasta dan menarik golongan berada untuk ke klinik swasta. Di dalam masa yang sama, ianya juga boleh mengurangkan kesesakan di hospital dan klinik kerajaan. Dalam pada itu, dengan pelepasan cukai untuk tujuan kesihatan pula, saya optimis banyak pihak korporat dan badan bukan kerajaan dapat memperluaskan sumbangan masing-masing ke pusat pesakit jantung, Majlis Kanser Malaysia, Persatuan Orang-orang Buta, pesakit buah pinggang dan lain-lain. Ini tentunya meningkatkan keprihatinan masyarakat untuk menjadi lebih penyayang, bertimbang rasa, turut memahami permasalahan masyarakat berbilang peringkat serta menyumbang apa yang wajar dan terdaya dilakukan pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap tentang masyarakat prihatin, penyayang dan luhur hati budinya, kita mungkin mengetepikan persoalan untuk memantapkan

institusi keluarga. Institusi keluarga dan rumah tangga sebagai dasar terpenting terhadap pembentukan sosial, akhlak peribadi dan budaya masyarakat

Anak-anak yang elok budi pekerti, suami-isteri yang saling hormat-menghormati serta jiran yang saling bantu membantu akan mewujudkan masyarakat yang terbaik. Sudah tentu akan lahir satu rupa komuniti yang bebas dari gejala moral seperti lepak, bohsia, dadah, mendera kanak-kanak, pembuangan bayi serta tidak mengabaikan tanggungjawab membela warga tua atau ibu bapa kandung sendiri. Semua ini akan menjadi nyata dengan meningkat dan meluaskan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam kehidupan di Malaysia ini, khususnya dengan bertambahnya ceramah, kaunseling, motivasi dan khemah ibadah yang sedang giat dijalankan oleh Pusat Islam, seperti Biro Tata Negara, Program Rakan Muda dan yang terbaru langkah mewujudkan khidmat kaunseling di setiap sekolah di negara ini.

Harapan saya semoga semua langkah yang bersepadu dan meluas ini akan dapat menyongsong dan menyusuli langkah kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang produktif, berhemah tinggi dan berwawasan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan wanita di Malaysia tidak kurang pentingnya. Dengan tidak menafikan bahawa rumah tangga adalah wadah kegiatan wanita yang asal, sumbangan kaum wanita kini semakin bertambah penting, sepertimana lelaki, wanita juga mempunyai hak untuk menikmati kehidupan yang aman damai dan sempurna. Mereka diharuskan bekerja dan bergiat di tengah masyarakat, asalkan maruah dan harga diri dapat dipelihara sebaik mungkin. Dalam hal kemasyarakatan dan politik, wanita berpeluang mengeluarkan pendapat, mempertahankan kebenaran dan menegakkan keadilan.

Sumbangan rakyat termasuk wanita adalah untuk membentuk dan memupuk ahli keluarga supaya menjadi sumber pekerja dan tenaga mahir yang sihat dan kuat untuk pembangunan negara. Juga sebagai usahawan yang berjaya tidak dapat disangkal bahawa 'tangan yang menghayun buaian itu boleh menggegarkan dunia' melalui gelagat anak-anak yang dididiknya dari kecil.

Peranan wanita dalam pengeluaran generasi baru sesebuah masyarakat dan sebagai pendidik asas telah lama diketahui dan diiktiraf pelbagai masyarakat dan budaya.

Oleh itu, kaum wanita perlu terus diberi peluang dalam semua bidang bagi membolehkan mereka turut berperanan aktif di dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan usahawan wanita kini kian meluas dalam pelbagai bidang, hasil dari kejayaan pelaksanaan DEB dan program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Oleh itu saya berharap usaha yang lebih jitu dapat dijalankan untuk menggalakkan usahawan wanita yang berpotensi dan aktif supaya dapat menyertai brigid usahawan wanita di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Dengan penyertaan di dalam brigid ini, saya percaya dan yakin lebih banyak bantuan seperti latihan, bimbingan, bantuan membiayai bank, pembiayaan bank serta penimbaan pengalaman di bidang pengurusan, perniagaan di dalam dan luar negara dapat dihulurkan. Sementara itu promosi yang lebih menyerlah akan dapat membantu usahawan wanita untuk mendapatkan pasaran baru yang lebih luas bagi barangan atau produk mereka.

Apabila wujudnya rangkaian perniagaan ataupun networking, dengan izin, perniagaan yang lebih luas dan terancang, maka usahawan wanita bumiputera dapat turut meraih faedah dari nikmat pembangunan negara yang semakin pesat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, iklim ekonomi yang semakin ceria di Malaysia memungkinkan lebih banyak industri dengan cepatnya. Antaranya ialah industri pemakanan segera, kini trend generasi muda lebih tertarik menikmati makanan segera berbanding dengan makanan yang disaji di ruman. Restoran makanan segera pertama di Malaysia telah pun dibuka pada tahun 1963 di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Beberapa faktor mempengaruhi pertumbuhan industri makanan ringan ini, antaranya pertambahan penduduk kawasan bandar disebabkan penghijrahan, pertambahan purata pendapatan keluarga dan penglibatan wanita dalam pasaran kerja turut mengubah cara hidup anak-anak.

Apa yang ingin saya sarankan di sini, ialah perlunya pihak berkuasa kesihatan dan hal ehwal pengguna meneliti supaya kadar penggunaan gula, garam dan bahan-bahan perisa yang digunakan untuk menyediakan makanan dan minuman ringan itu tidak terlalu tinggi kandungannya sehingga boleh memudaratkan kesihatan pelanggan. Dengan mengabaikan tanggungjawab ini para pelanggan akan lebih cepat terdedah kepada penyakit-penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, jantung dan lain-lain. Jika kita

ingin menjamin generasi muda kita dan rakyat seluruhnya boleh terus menyumbang terhadap pembangunan masa depan negara kita, gejala ketidakseimbangan tahap pemakanan ini perlu diatasi segera bagi menentukan rakyat kita sentiasa sihat, panjang usia dan sejahtera sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kempen Inflasi Sifar adalah satu permulaan yang baik terhadap hasrat kerajaan untuk menjamin mengekalkan kos sara hidup rakyat terbanyak kepada peringkat asas. Usaha-usaha menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan paling asas yang digunakan oleh sebahagian besar rakyat negara ini, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah telah pun diberi perhatian.

Saya berharap kempen-kempen kerajaan seperti publisiti 'Inflasi Sifar' melalui media elektronik dan media cetak bertujuan menyedarkan masyarakat untuk membanteras inflasi, pelaksanaan projek kedai harga patut, Hari Inflasi Sifar, Kempen Anti-Inflasi dapat terus dipergiatkan lagi. Di samping itu, para pengguna perlu diberi ingatan supaya mengamalkan budaya berbelanja secara berhemat dan berjimat agar dapat mengikut rasmi 'sempit bertimpuh, lega berlunjur'.

Kempen Kesedaran Anti-Inflasi perlu diperbanyakkan lagi di sekolah-sekolah bagi menghidupkan budaya berjimat ketika berbelanja di peringkat awal lagi, kalau boleh pendidikan kepenggunaan diterapkan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi lain untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor pembangunan pelancongan pula, bidang yang perlu diberi tumpuan ialah penggalakan kawasan-kawasan indah di samping mengembang dan mempelbagaikan produk pelancongan. Ini termasuk memperbanyakkan hasil-hasil kraftangan terutamanya satu produk untuk satu kampung. Juadah istimewa pelbagai kaum dan budaya, bahan-bahan sejarah seperti perhiasan antik, peralatan dan bangunan purba, pakaian tradisional, muzium seni, kawasan rekreasi patutlah diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan teknologi maklumat dalam pelbagai bidang amatlah penting masa ini. Reformasi pertanian ke arah pemodenan sektor tersebut juga amat penting. Penekanan terhadap hasil-hasil pertanian moden akan mengurangkan pergantungan kita terhadap pengimportan makanan dan barangan dari luar negara. Peranan teknologi maklumat kian mustahak kerana ia dapat membantu, mempertahankan dan

mempertingkatkan daya pengeluaran, pengurusan dan penjagaan sumber-sumber asli secara berterusan. Usaha-usaha untuk memajukan tanah terbiar juga perlu dibuat segera dengan meningkatkan usaha menerusi beberapa pendekatan seperti perladangan, perladangan individu berkelompok dan ala-Felcra. Dalam pada itu, dengan melahirkan usahawan tani, saya percaya hasrat kerajaan untuk menjayakan reformasi pertanian di negara ini akan tercapai dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan ekonomi khususnya aktiviti pengilangan dan pembangunan adalah penyebab utama alam sekitar. Selain mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat kepada pihak yang mencemar alam sekitar, sama ada di perairan, pantai, laut ataupun sungai, beberapa langkah yang lebih kukuh perlu diambil oleh kerajaan, iaitu menurut pakar alam sekitar antarabangsa, Emoraly, tiga langkah asas yang perlu dilakukan oleh kumpulan audit alam sekitar, iaitu pengumpulan data, penyemakan dokumen dan pemeriksaan fizikal.

Antara langkah susulan yang harus diambil, pada pandangan saya ialah:

- menilai kesemua permit dan lesen berkaitan alam sekitar;
- menilai sebarang pelanggaran undang-undang masa lalu dan memastikan langkah untuk menghalangnya dari berlaku di masa hadapan, di samping menilai semua tatacara keselamatan dan kesihatan bagi mengelakkan kepincangan fizikal terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Di sini, ingin saya mencadangkan supaya kementerian dapat mengadakan satu garis panduan kepada pemaju-pemaju perumahan ataupun pembangunan menggalakkan supaya diadakan 'batching plan at side' dengan izin. Ini adalah untuk mengurangkan kebanyakan lori yang keluar-masuk di kawasan pembangunan itu tidak mencemari alam sekitar dan juga tidak menimbulkan kesesakan lalu lintas. Sebagai contoh, saya lihat beberapa projek di Wilayah Persekutuan terutamanya, bayaran pembangunan yang dijalankan diberi peluang kepada syarikat yang membekalkan concrete makes untuk mengadakan batching plan di kawasan pembangunan. Tetapi ini berlainan dengan negeri-negeri yang lain, di mana batching plan tidak digalakkan diadakan di dalam kawasan pembangunan, tetapi dibenarkan berpuluh-puluh lori yang masuk-keluar satu hati untuk membekalkan 'concrete makes' untuk pembangunan tersebut. Saya harap

sekali, kementerian dapat mengambil tindakan ini supaya ia menyelaraskan semua Jabatan Alam Sekitar negeri-negeri dan tidak bercanggah antara satu dan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau perbincangan saya ini tidak meyerentuh tentang isu perumahan kos rendah yang menjadi antara topik hangat dewasa ini. Saya menyanjung tinggi usaha gigih dan prihatin serta perhatian serius Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap isu yang merentang nadi dan sendi golongan yang berpendapatan rendah. Peruntukan belanjawan lebih RM1 bilion yang dikhaskan bagi menyediakan rumah kos rendah itu patut dipuji. Apa yang menarik perhatian saya dalam isu ini ialah kesedaran dan kemampuan kerajaan negeri. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Johor melancarkan Skim Perumahan Rakyat baru-baru ini untuk membina lebih daripada 122,000 unit rumah dengan pembabitan sebanyak 20 syarikat swasta menyertainya sebagai konsortium tersebut.

Konsep satu keluarga satu rumah perlu dicontohi oleh negeri-negeri lain di Malaysia, di samping kita melaksanakan langkah setingan sifar ke arah pembinaan skim perumahan yang lebih terancang dan harmoni. Saya berharap langkah mengenal pasti pembeli rumah berpendapatan rendah yang berhak mendapat rumah kos rendah harus diteliti, kerana kita tidak mahu mereka yang berada menggunakan pelbagai kesempatan dan helah membolot kemudahan yang bukan hak mereka. Jika tidak dibendung persolan ini, maka jadilah kediaman kos rendah itu mahal tak dapat dibeli, murah tak dapat diminta oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meringkaskan ucapan kerana untuk memberi peluang kawan-kawan, dan dengan pandangan dan analisis yang diutarakan tadi, maka saya dengan sukacitanya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Diraja itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin. Sila
4.48 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman, yang lalu.

Sebelum saya pergi lebih jauh, saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini 16 Mei 1996 adalah ‘Hari Guru’ untuk kita sama mengucapkan selamat Hari Guru kepada guru-guru yang berjasa, tentunya kepada nusa dan bangsa, sehingga kita semua di peringkat dapat menikmati segala-galanya hasil daripada guru. Banyak Ahli yang bercakap mengenai pendidikan, barangkali melihat, menonton siaran terus televisyen sebelum ke sini tadi, dan teringatlah kepada jasa guru. Jadi, kepada semua guru besar, guru kecil institusi pengajian tinggi, sekolah menengah, sekolah rendah, tadika, taski, taska dan sebagainya, saya mengucapkan ‘Selamat Hari Guru’. Semoga guru bertambah gigih untuk mencapai wawasan pendidikan negara, demi wawasan negara, Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada soal Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, saya suka memetik mukaddimah yang telah dimulakan oleh Seri Paduka Baginda, iaitu:

“Beta bersyukur kepada Memanda Beta iaitu Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad dan sekalian anggota pentadbirannya kerana keadaan politik negara terus stabil dan rakyat dapat mencapai kemakmuran yang bertambah lagi. Dan adalah menjadi harapan Beta bahawa kerajaan akan meningkatkan kemajuan di dalam pelbagai bidang dan menambahkan kemajuan untuk rakyat”.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kawan-kawan telah berbahas, telah berbincang, telah bercakap soal pencapaian, soal kemajuan di pelbagai sektor - besar, kecil, di dalam bandar, di luar bandar, ekonomi, teknologi, sains, Internet dan sebagainya yang dirumuskan di dalam beberapa patah perkataan bahawa Malaysia memang mencapai kemajuan yang membanggakan. Tentunya pencapaian ini dan bukan ‘kecapaian’ - tema Hari Kebangsaan kita tentang perkataan ‘kecapaian’ - saya rasa tidak betul. Pencapaian kita adalah disebabkan kestabilan politik dan bukan berlaku dengan sewenang-wenangnya tanpa pemikiran seorang pemimpin. Sesuatu itu bermula di kepala. Kalau kepalanya baik, maka anggota-anggota lain akan turut baik, sama ada kaki, tangan, lidah, mulut, telinga dan sebagainya akan baik. Maka dalam soal kestabilan politik di negara kita yang berbilang kaum, berbilang bangsa, budaya, agama, fahaman dan sebagainya, saya hendak menyatakan betapa tinggi penghormatan dan penghargaan saya

kepada pucuk pimpinan negara yang merupakan pucuk pimpinan parti iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai pemikiran yang jauh untuk memastikan kestabilan politik negara boleh berlaku dan setelah berlaku kestabilan politik maka pencapaian di bidang-bidang lain akan turut berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya turut terharu dengan lagi satu fikiran dan keputusan kerajaan yang tepat yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan negara dan di masa yang sama dalam konteks perbahasan saya, pucuk pimpinan politik selaku pengerusi Barisan Nasional dan juga Presiden UMNO yang telah berjaya untuk, insya-Allah membawa masuk kumpulan Semangat 46 ke dalam UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menumpukan kepada soal UMNO - Semangat 46 ke dalam UMNO. Kestabilan politik secara khusus adalah kerana kecekapan, tajam dan jauh pandangan pemimpin UMNO yang juga Pengerusi Barisan Nasional. UMNO adalah tulang belakang. Saya yakin dan percaya, dan kesemua anggota lain dalam Barisan Nasional, sama ada MCA, GERAKAN, MIC dan lain-lain komponen parti menerima hakikat bahawa kestabilan politik tidak boleh dipisahkan daripada kestabilan UMNO itu sendiri. Ibarat irama dan lagu, ianya tidak boleh dipisahkan kalau dipisahkan rosaklah seni. Kata Allahyarham P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, maka UMNO adalah faktor penentu kepada kestabilan politik, terjejasnya UMNO maka tentu terjejasnya kestabilan politik dan yang lain-lain, apa yang kita cakapkan iaitu kemajuan di segala bidang juga akan terus terjejas kalau tidak ada kestabilan politik.

Saya secara peribadi, pertamanya, saya dari Kelantan, amat mengalu-alukan kehadiran Semangat 46, terutamanya Yang Amat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, bekas pemimpin pujaan saya, kerana saya pernah berada di bawah beliau selaku Ketua Pemuda UMNO negeri Kelantan dan pernah menerima bimbingan dan nasihat serta cita-cita beliau untuk agama, bangsa dan negara melalui UMNO dan saya masih teringat bahawa beliau bersumpah selagi ada bulan dan bintang, Yang Berhormat Mulia mengatakan bahawa beliau tidak akan meninggalkan UMNO. Tetapi rupa-rupanya bahasa politik berlainan dengan bahasa matematik. 2×2 bahasa matematik mengatakan 4, $2 \times 5 = 10$, tetapi bahasa politik - 2×2 kadang-kadang jadi 8, kadang-kadang jadi 10 dan kadang-kadang dia 0. Boleh berubah kerana perubahan itu mengikut keadaan masa

dan ketika dan setelah beliau ingin kembali kepada UMNO saya lagi sekali rasa suka mendengar bila dia mengatakan bahawa beliau sehingga hari ini pun masih UMNO bermakna beliau tidak pernah keluar dari UMNO dari segi perasaan. Lagi sekali bahasa politik disesuaikan dengan keadaan untuk memastikan bahawa politik itu stabil. Begitulah bahasa-bahasa politik yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang menyesuaikan saat dan ketika dengan selera atau kehendak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin dengan secara ikhlas bahawa walaupun kita mempunyai matlamat tertentu, janganlah sehingga kita mengorbankan keadaan kita. Contohilah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad – biar apa pun berlaku kepada beliau, beliau tetap bersama dengan UMNO dan berbuat apa sahaja untuk memastikan UMNO itu kuat sehingga akhirnya kita melihat satu kejayaan.

Sekarang Semangat 46 – saya yakin akan kembali kepada UMNO walaupun beberapa hari kemudian ini nampaknya PAS mula memujuk rayu isterinya yang akan meminta talak. Ini istilah Menteri Besar Kelantan – dia membandingkan dengan suami isteri, sedang memujuk rayu Semangat 46 untuk tidak kembali kepada UMNO dan mengatakan mereka sudah berbaik, tetapi belakang masih tikam menikam dan hari ini kita melihat berita Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah membuat penerimaan Ahli Semangat 46 di Gua Musang sejumlah 70 orang dan di masa yang sama ada juga orang PAS yang akan bersama dengan Semangat 46 masuk ke dalam UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak gambarkan dalam konteks kestabilan politik, di sini apa yang kita dapat lihat, S.46 akan kembali kepada UMNO, masalah pertama, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu demi kestabilan politik ataupun kestabilan UMNO dalam konteks ini ialah untuk memastikan agar pemimpin-pemimpin pandai-pandailah menjaga hati kerana tentunya yang ada, yang merasakan mereka setia sejak daripada dahulu sampai UMNO pecah, sampai sekarang merasakan mereka cukup setia kepada UMNO dan jangan berlaku anak yang perangai kurang baik sedikit – nakal sedikit, bila masuk diberi penghargaan sehingga mengecil hati anak yang setia.

Saya dapat mendengar reaksi akhir-akhir ini kemungkinan penghargaan yang besar akan diberi kepada beberapa golongan atau tokoh-tokoh tertentu dalam S.46 yang

akan masuk ke dalam UMNO dan ini tentunya akan menyebabkan kumpulan-kumpulan tertentu yang begitu setia kepada UMNO akan mulai terasa hati.

Kedua, kesan yang mungkin berlaku kepada kestabilan politik ini ialah untuk saya mengingatkan bahawa tidak mempunyai agenda khusus kenapa S.46 masuk ke dalam UMNO. Agenda khusus yang dimaksudkan mungkin melahirkan kelompok-kelompok yang mungkin berlaku semula di dalam UMNO dan menyebabkan berlaku pergeseran lagi sekali. Tambahan pula kita makin menghampiri semula, tahun depan pemilihan di cawangan dan tahun 1998 pemilihan di bahagian dan 1999 pemilihan peringkat pucuk pimpinan parti.

Saya masih terdengar-dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO yang lepas, bahawa beliau ingin menyerahkan UMNO ini satu ketika di dalam keadaan baik, jadi, antara satu keadaan baik yang saya lihat ialah beliau ingin memastikan semua Melayu ataupun sebahagian besar Melayu ataupun kumpulan serpihan dahulu yakni Semangat 46 kembali kepada UMNO dan UMNO bersatu padu semula dan selepas itu beliau dengan senang hati dapat melihat atau meninggal UMNO ini dalam keadaan baik.

Tetapi, adalah barang diingat, suka diingatkan janganlah kemasukan kelompok S.46 secara besar-besaran ini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Presiden UMNO mengatakan mereka menerima atas asas individu walaupun masuk beramai-ramai, janganlah kemasukan beramai-ramai Semangat 46 ini boleh melahirkan kelompok-kelompok yang akhirnya mengganggu-gugat perpaduan UMNO yang sudah stabil ini.

Niat mesti baik, beradalah di dalam UMNO untuk sama-sama kita memperkasakan UMNO dan barang dijauhkan Allah daripada memperkuda ataupun memperkosakan UMNO kerana UMNO itu suci, ianya perjuangan bangsa, perjuangan agama dan negara.

Saya menyeru mereka daripada Semangat 46 untuk mula Bismillah, nawaitu baik ke dalam UMNO dan kita sama-sama kembali, ibarat sesat di hujung jalan kembali ke pangkal jalan ataupun yang diguna oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, “biduk lalu kiambang bertaut” untuk memastikan perpaduan Melayu kuat, UMNO

kuat, Barisan Nasional kuat, politik stabil dan pembangunan negara akan terus kita mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menyatakan perasaan saya dalam konteks kestabilan politik, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan untuk berbincang sedikit tentang pembangunan dan pencapaian di bidang kemajuan, walaupun secara detailnya saya akan menyentuh setelah pembentangan ataupun perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh

Kalau kita melihat hasil daripada kestabilan politik yang berlaku setakat ini, memang negara kita aman, kita rasa dalam harmoni, pentadbiran berjalan dengan lancar, efisien, pertumbuhan ekonomi kita lihat sampai 9.5% per kapita meningkat 10,000 kepada 11,000 pada tahun 1996 dan sektor-sektor lain berkembang maju, sektor pembuatan bertambah 13.2%, perkhidmatan bertambah 8% sektor pertanian meningkat, prasarana yang lengkap akan disediakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, cuma di tengah kerancangan pembangunan, pertumbuhan yang tinggi membanggakan, per kapita yang meningkat 11,000 penswastaaan projek yang besar, tak cukup dengan ratus juta, bilion ribu juta, bangunan pencakar langit yang tertinggi di dunia, bangunan yang besar-besar, jalan yang baik di bandar-bandar, suka saya mengingatkan pihak kerajaan untuk memastikan keadilan berlaku di antara bandar dan luar bandar.

Kalau kita melihat bangunan tinggi di bandar-bandar, kita berbangga dengan bangunan yang tertinggi di dunia, tetap apakah kita tidak dapat melihat di luar-luar bandar, bangunan-bangunan yang buruk, wakaf tempat menunggu bas pun tak ada, yang saya rasa perlu kita ubah sedikit kepada peruntukan yang banyak di luar bandar.

Saya berpendapat dengan kawan-kawan kerana saya mewakili luar bandar, semasa pemimpin daripada luar bandar, memang kalau kita kira pendapatan, misal kata 11,000 per kapita tetapi di luar bandar memang pendapatannya rendah, masih ada lagi segolongan besar yang berpendapatan rendah di bawah daripada RM200, ada yang dapat RM150 sebulan. Ini saya saksi sendiri, saya lawat sendiri, ramai tak boleh menghantar anak ke sekolah tanpa dibantu, ramai memberhentikan anak daripada persekolahan kerana tak mampu untuk membayar sewa bulanan bas, apatah lagi untuk membayar

bayaran-bayaran lain, walaupun kerajaan kita berusaha membantu segala-galanya tetapi golongan ini masih wujud.

Dalam erti kata yang ilmiah iaitu kumpulan PPRT ini masih besar. Perlu dikaji peruntukan dalam RMK-7 ini, kalau perlu dirombak semula sedikit untuk memastikan peruntukan yang lebih besar dipindah, kalau tak boleh ditambah, dipindah yang ada di bandar ini pergi kepada luar bandar untuk mereka merasai nikmat seperti ucapan pemimpin-pemimpin sama ada di televisyen ataupun di akhbar bahawa kita mencapai kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menceritakan satu keadaan bila saya membuat lawatan rombongan daripada kawasan saya ke Kuala Lumpur, kita terlupa pada masa itu, dengan bangganya kita menceritakan bagaimana majunya negara kita, bangunan besar, bangunan tinggi dengan lampu neon yang baik, tempat-tempat yang besar, indah, taman yang besar, air pancut, bangunan tertinggi, menara tertinggi, bendera besar, semua besar-besar.

Di tengah-tengah taklimat itu terkeluar suara sinis daripada ahli rombongan yang mengatakan, apa mereka di kampung hendak banding dengan pintu pagar sebuah rumah di bandar dengan sebuah rumah orang kampung, barangkali pintu pagar itu jauh lebih besar daripada sebuah rumah orang kampung. Apatah lagi kalau kita melihat peruntukan diberi kepada PPRT untuk membina sebuah rumah hanya RM3,000, barangkali pagar jutawan ataupun ahli-ahli korporat di bandar-bandar ini mungkin lebih RM30,000, siapa tahunya? Mungkin yang automatik lagi mahal.

Jadi, soal ini perlu kita, secara dasarnya saya sentuh, detailnya kita tinggalkan dahulu, secara dasarnya kaji balik sudah berlaku ketidakadilan sosial seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kalau boleh di kalangan korporat-korporat, usahawan-usahawan yang maju, yang berjaya, kaya-raya, jutawan, billionaire, macam-macam 'naire' lagi semata-mata kerana kestabilan politik negara dan semata-mata kerana dokongan orang-orang politik dan semata-mata kerana kesetiaan pengundi-pengundi di luar sedangkan mereka ini setengahnya tidak balik pun mengundi. Usahkan hendak kerja berkempen, menolong Kerajaan Barisan Nasional ataupun UMNO, mengundi pun tidak balik.

Kita bukan jealous, bukan cemburu, bukan dengki kepada kekayaan mereka tetapi ingatlah bahawa kekayaan, harta benda yang mereka miliki, kemewahan yang mereka miliki adalah hasil daripada kestabilan politik yang saya sebutkan tadi dan apakah tidak dapat mereka ini bergabung tenaga melalui apa cara untuk memastikan rezeki yang mereka nikmati turun dengan lebih bererti kepada masyarakat di luar bandar sama ada dalam bentuk yayasan, sama ada bentuk biasiswa, sama ada untuk menabung kepada pembinaan rumah-rumah miskin di luar-luar bandar. Keluarga miskin masih besar. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada golongan-golongan yang kaya-kaya ini untuk memikir cara serius untuk memastikan kejayaan ekonomi, pencapaian ekonomi tinggi hasil daripada kestabilan politik dan sumbangan balas mereka adalah melalui tabung-tabung yang boleh sama-sama kita fikir, kita rancang untuk masyarakat di luar bandar.

Khusus untuk negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini, tadi telah disebut oleh sahabat saya Dato Abdul Aziz dari Kuantan, Pantai Timur, saya dari Kelantan, Pahang – Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar orang Barisan Nasional, orang UMNO, ada pembelaan. Kelantan – Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada PAS, sedang bergelora, pembangunan tidak ada, kerja lain tidak ada buat, habis-habis tukar nama jalan, tukar nama pantai, kalau dulu Pantai Cinta Berahi ditukar ke Pantai Cahaya Bulan dan kalau Barisan Nasional menang, kita tukar pula nama itu kepada Pantai Cahaya Barisan (PCB).

Tuan Yang di-Pertua, Kelantan negeri yang paling tidak bernasib baik kerana pergolakan politik sebegitu rupa menyebabkan pembangunan terjejas. Cumanya saya hendak mengambil kesempatan untuk mengingatkan kerajaan supaya sikap kita mesti betul terhadap Kelantan dan jangan rakyat Kelantan didera biar apa pun keputusan politik yang telah mereka buat. Kita tidak boleh hendak salahkan rakyat Kelantan dalam soal ini kerana mereka terdorong dengan pemikiran sempit oleh keadaan perkembangan politik yang berlaku ataupun sejarah politik yang berlaku di Kelantan itu sendiri.

Tentunya ahli-ahli ataupun orang Kelantan yang keluar dari Kelantan, berada di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain, fikiran mereka terbuka, tetapi yang tinggal di Kelantan terutama yang terdorong dengan kepercayaan bahawa

PAS itu adalah parti Islam, mereka memang buat masa ini tidak boleh dipersalahkan kecuali kita berusaha benar-benar untuk menukar pemikiran mereka.

Maka, keputusan politik yang telah mereka buat tidak boleh kita jadikan alasan menghukum mereka. Dalam soal pembangunan ini, saya mencadangkan perlu diteruskan, misalnya saya melihat beberapa peruntukan pembangunan telah ditahan di Kelantan, pembinaan jalan Kuala Krai-Kota Bharu dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah RM150 juta terpaksa dibekukan, jalan Salor-Pasir Mas RM40 juta dibekukan dan banyak projek lain, projek lapangan terbang, pelabuhan Semerak-Kemasin dan juga projek-projek gas yang patut berlaku di Kelantan dibekukan. Saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan mewakili Kelantan untuk merubah pendirian dan saya tidak menyalahkan Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini kerana keputusan ini dibuat hasil daripada keputusan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin politik dari Kelantan sebelum saya ataupun sebelum kami yang menggantikan baru-baru ini, kerana mereka ini juga barangkali berkecil hati dengan keputusan politik yang telah dibuat oleh rakyat Kelantan sehingga ditangguhkan pembangunan di Kelantan.

Oleh itu menjelang Rancangan Malaysia Ketujuh ini saya bagi pihak Kelantan, merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menukar sikap bahawa pembangunan di Kelantan perlu diteruskan tanpa mengira apa keadaan atau apa pun keputusan politik yang ada di negeri Kelantan Darulnaim itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sempena hari guru ini saya hendak sentuh mengenai pendidikan sedikit secara dasar. Secara keseluruhan memang kita belum berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar banyak. Saya dapat melihat, kalau kita bercakap soal komputer, memang sekolah luar bandar banyak tidak mempunyai komputer. Kalau kita bercakap soal buku, banyak di sekolah-sekolah luar bandar tidak mempunyai buku ataupun perpustakaan yang lengkap. Kalau kita bercakap soal kemudahan-kemudahan lain, memang di luar bandar tidak mempunyai kemudahan pendidikan berbanding dengan sekolah-sekolah di bandar. Perkara ini, barangkali dapat difikir balik oleh Kementerian Pendidikan dan kerajaan untuk memastikan lagi sekali peruntukan itu dipindah banyak ke luar-luar bandar untuk memastikan masyarakat ataupun murid-murid, anak-anak daripada luar bandar mendapat kemudahan-kemudahan pendidikan.

Cumanya saya ingin memberi cadangan sedikit dalam soal kemudahan pendidikan ini. Barangkali menjelang tahun 2000 apakah Kementerian Pendidikan tidak boleh memikir dari segi teknik pengajaran dan pendidikan, pembelajaran dan pendidikan di sekolah-sekolah agar lebih canggih di mana kita akan menggunakan komputer ataupun Internet ataupun multimedia satu hari nanti. Maka, apakah daripada sekarang tidak boleh Kementerian Pendidikan memikirkan bahawa satu masa kita mengeluarkan teks-teks, buku-buku pendidikan kita dan bahan-bahan pendidikan kita di dalam video kerana ianya lebih efektif untuk teknik pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah apatah lagi menjelang tahun 2000 nanti.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Tuan Yim Chee Chong: Oleh kerana Datuk Haji Hashim adalah dari Kelantan, saya dari Negeri Sembilan. Kita jauh sangat, tetapi kita bertemu di sini. Saya ingin meminta Datuk mengesahkan perkara ini sama ada betul atau tidak. Pertama, baru-baru ini saya membaca surat khabar dan mengetahui bahawa Kerajaan Negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS untuk menderafkan hukum hudud telah membelanjakan sebanyak RM240,000 wang rakyat. Betulkah atau tidak perkara ini? Pertama.

Kedua, mengikut laporan berita yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah merugikan sebanyak RM13,830,000 wang rakyat kerana bermain share. Betulkah atau tidak, saya hendak pastikan dari Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerana Yang Berhormat dari Kelantan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih. Yang Berhormat dari Negeri Sembilan, saya dari negeri Kelantan, tetapi kita sama tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengesahan yang diminta oleh Yang Berhormat rakan saya sejak tadi, lagi sekali kita dapat menyaksikan bahasa-bahasa politik yang berubah-ubah mengikut masa dan ketika tanpa mengira kedudukan kecil, besar, tua, muda, buta, alim dan tidak alim atau sebagainya kerana politik adalah satu seni yang boleh digunakan oleh siapa sahaja dan matlamat menghalalkan cara. The end justifies the means, dengan izin.

Jadi, apa yang berlaku di Kelantan ialah bahawa pemimpin Kelantan selama ini bercakap soal-soal kebersihan, bercakap soal-soal keislaman, bercita-cita besar dan tinggi untuk melaksanakan Islam walau tidak ada apa pun dapat dibanggakan.

Kalau semasa mereka ini belum membentuk kerajaan, mereka mengkritik apa sahaja Kerajaan Barisan Nasional Kelantan di bawah Tan Sri Dato' Haji Mohamad Yacob pada masa itu dan saya masih ingat kerana saya adalah Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan pada masa itu, mereka mengatakan kerajaan pimpinan Tan Sri Dato' Haji Mohamad Yacob adalah kerajaan yang membazir, membina bangunan seperti rumah ibadat orang-orang kafir, menggunakan kereta-kereta besar dan segala yang buruk diberi kepada Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu.

Tetapi akhirnya, segala yang mereka katakan itu kembali kepada mereka sendiri, termasuklah tuduhan Yang Berhormat Mohamad Sabu kepada seorang pemimpin UMNO mengenai kisah dengan perempuan, akhirnya beliau tertangkap di dalam bilik 121, Hotel Perdana.

Maka saya teringat kepada Hadis Nabi yang bermaksud lebih kurang, Tuhan tidak akan mematikan seseorang yang mengata-ngata atau menghina saudaranya sehingga apa yang dia kata itu kembali kepada dia sendiri. Saya rasa Tuhan akan matikan Kerajaan Kelantan, bukan Nik Aziz kerana apa yang dia kata itu kembali kepada beliau sendiri di mana soal pembaziran, soal gunakan duit rakyat dan sebagainya seperti kata Yang Berhormat itu.

Kalau dahulunya, soal Menteri Besar kononnya tidak hendak pakai kereta kecil duduk di hadapan, sekarang sudah jadi Menteri Besar, sudah syok balik, beli kereta S320, duduk di belakang balik. Dahulunya humble sangatlah kononnya orang Kelantan, akhirnya kembali. Contohnya, segala yang dia kata-mengata dan menghina itu kembali. Jadi, mungkinlah Kerajaan Kelantan ini tidak akan mati kerana apa yang dikatakan itu sudah kembali kepada beliau sendiri. Ludah sudah menimpa mukanya sendiri, dia ludah ke langit.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan saya mengenai apa yang telah ditimbulkan. Akhirnya kepada soal pendidikan, saya rasa di segi pendidikan, Kementerian Pendidikan perlu memikirkan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik untuk memastikan kekesanannya dari segi pendidikan di masa-masa

hadapan, contohnya tugas dan peranan lebih berat akan dialami oleh guru-guru, tetapi demi pendidikan negara, kita perlu memastikan satu sistem pendidikan yang baik untuk mencapai matlamat negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

5.28 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada 25hb. Mac 1996.

Kita semua rasa bersyukur dengan segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta semua anggota pentadbiran kerajaan, keadaan politik negara terus stabil dan kita mengesepi segala kemudahan dengan begitu selesa sekali.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan syabas di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit pandangan, teguran dan cadangan kepada beberapa orang Menteri Kabinet untuk tindakan Yang Berhormat Menteri berkenaan. Pertama, saya ingin memberi pandangan dan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sejak kebelakangan ini, kita semua dengar dan melihat tentang keselamatan dan keselesaan berpuluh ribu pelajar di sekolah agama rakyat.

Kebakaran berlaku setiap tahun di sekolah berkenaan. Ianya berlaku kerana keadaan fizikal yang tidak memuaskan di kawasan sekolah berkenaan. Bagi saya, langkah kerajaan untuk mengambil alih pentadbiran dan pengurusan tersebut sangat dialu-alukan, tetapi apakah langkah awal yang telah diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Islam yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri terhadap sekolah-sekolah

berkenaan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan berpuluh ribu pelajar di sekolah berkenaan?

Di sini saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Hamid Othman supaya mencadangkan kepada Baitulmal setiap negeri supaya memperuntukkan wang zakat untuk pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat ini. Pihak Baitulmal janganlah berbangga dengan mendirikan bangunan-bangunan tinggi di bandar yang dijadikan sebagai tanda mercu kejayaan umat Islam.

Saya yakin, pahala membina semula sekolah-sekolah pondok, sama ada untuk asrama pelajarinya atau bilik-bilik kelasnya adalah lebih besar pahalanya daripada membina bangunan perniagaan atau pejabat yang tertinggi di bandar-bandar.

Saya percaya, pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat dilengkapi dengan peralatan mengajar yang canggih oleh semua Baitulmal negeri di Malaysia ini nanti akan menjadi contoh dan model kepada negara-negara Islam yang lain. Jika sekolah Cina persendirian yang mengharapkan bantuan derma dari kaum Cina berjaya menyediakan kemudahan asas yang canggih di sekolah mereka, mengapa Baitulmal tidak boleh bertindak mengikut contoh sekolah berkenaan untuk kepentingan pendidikan anak-anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin pula memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana mencetuskan pelbagai idea untuk kemajuan dan pembangunan pendidikan di negara ini. Antaranya ingin meningkatkan taraf guru kita ke tahap dunia. Dalam persidangan yang lalu, beberapa akta berkaitan dengan pendidikan telah diluluskan. Antaranya membenarkan pertumbuhan institusi pendidikan tinggi swasta di negara ini di samping menggalakkan program berkembar antara institusi tersebut dengan universiti luar negara. Bagaimanapun, saya khuatir dengan pertumbuhan institusi pendidikan tinggi swasta dan juga penswastaan universiti tempatan yang sedia ada khususnya mengenai yuran pengajian yang tinggi. Adakah pelajar yang miskin khususnya pelajar Melayu dari luar bandar mampu menjangka yuran pengajian sebanyak RM6,000 setahun? Saya percaya dengan kuasa sedikit yang masih ada di tangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, beliau adalah diminta

untuk mengawal yuran pengajian di institusi pendidikan swasta berkenaan. Setahu saya pada masa ini hanya ada satu institusi pendidikan tinggi swasta yang telah memberi khidmat sosial mereka dengan begitu murah yang dibiayai sepenuhnya oleh Kumpulan Renong. Saya percaya jika Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita dapat berbincang dengan beberapa badan korporat terutamanya yang baru diswastakan seperti Syarikat Telekom Malaysia, TNB dan Petronas, masalah bayaran yuran pengajian yang tinggi mungkin dapat diselesaikan. Saya juga berharap supaya syarikat swasta ini memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk meminimumkan yuran pengajian di institusi pendidikan tinggi yang bakal mereka dirikan nanti. Khidmat sosial ini haruslah diberi keutamaan, bukan memikirkna keuntungan sebanyak yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar sekolah satu sesi menjadi kenyataan sebelum tahun 2000 atau setidak-tidaknya menjelang abad ke-21. Masa ini bidang pelajaran terus bertambah tetapi langkah atau tindakan yang serius belum dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Saya berkata demikian kerana bilangan pelajar di sebuah sekolah bertambah lebih cepat daripada pertambahan bilik-bilik kelas. Yang lebih jelas pertambahan penduduk di sesuatu kawasan lebih hebat daripada pertambahan bangunan sekolah untuk penduduk di kawasan berkenaan. Saya mengambil kesempatan di sini, mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri supaya memperuntukkan sedikit kawasan di setiap kawasan pembangunan baru sama ada perumahan ataupun industri untuk tapak sekolah. Saya percaya bahawa semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengetahui bahawa pembinaan sekolah adalah juga satu penanaman modal yang paling tinggi nilainya daripada membina rumah atau kilang industri. Jika tapak telah disediakan oleh kerajaan negeri, saya berkeyakinan peruntukan besar bagi Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan digunakan dengan sepenuhnya oleh kementerian berkenaan untuk merealisasikan sekolah satu sesi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, saya ingin memberi pandangan dan teguran kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan semua pegawai I Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berjaya memulihkan beberapa

projek perumahan rakyat yang terbengkalai. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana memberi peruntukan kepada Tabung Projek Perumahan Terbengkalai sehingga membolehkan beberapa projek perumahan terbengkalai dapat disiapkan.

Bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai isu ini iaitu mengapa Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini melepaskan tanggungjawab mereka terhadap projek perumahan terbengkalai ini yang dibiayai oleh Tabung Projek Perumahan Terbengkalai? Sebagai contoh, salah satu projek perumahan terbengkalai di Kelang yang letaknya di hadapan rumah Tengku Bendahara Selangor dan di tepi jalan laluan Tuanku Sultan Selangor ke istana Baginda di Jalan Kampung Jawa telah pun disiapkan oleh kontraktor atas pembiayaan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai. Sayangnya sebahagian besar pembeli rumah belum lagi menduduki rumah mereka dengan alasan pihak bank dan konsultan yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia tidak memberi kunci kepada pembeli sebab pembeli tidak bersetuju dengan harga baru yang ditetapkan oleh pihak bank.

Saya difahamkan harga rumah projek tersebut telah dinaikkan sebanyak dua kali iaitu dari RM30,000 kepada RM32,000 pada tahun 1976 dan dinaikkan lagi kepada RM41,000 pada tahun 1978. Atas nasihat Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setelah hampir 20 tahun pembeli-pembeli sanggup menunggu rumah mereka. Adakah patut pihak bank terus mengenakan faedah kepada pembeli berkenaan? Saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bolehlah berunding dengan pihak bank berkenaan bagi menyelesaikan masalah ini supaya pembeli tidak dianiayai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan kali ini untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Indah Water Konsortium. Berbagai-bagai tuduhan yang saya tidak sanggup dengar lagi daripada rakyat tentang Indah Water Konsortium baik di kota atau di desa. Indah Water Konsortium telah dicap sebagai 'perompak terhormat' dan juga 'penyamun moden'. Syarikat ini mengaut keuntungan berlipat ganda tanpa mengeluarkan modal yang banyak.

Mereka mengenakan bayaran terhadap penghuni rumah tanpa sebarang perkhidmatan. Sebagai sebuah syarikat besar dan berwibawa, bil Indah Water pakai tumpang bil Jabatan Bekalan Air. Syarikat ini tidak perlu bayar gaji pemungut wang, perbelanjaan cetak bil dan gaji pembaca meter, kerana semua ini ditanggung oleh Jabatan Bekalan Air. Mereka mudah mendapat wang kerana kebijaksanaan pengarahnya bila membuat perjanjian dengan pihak kerajaan dahulu, sebab itu tidak hairanlah jika Indah Water dicop sebagai 'perompak moden' dan sebagainya.

Saya tidak menafikan tentang adanya perkhidmatan yang dibuat oleh Indah Water di kawasan perumahan yang mempunyai sistem pebetungan berpusat dan Indah Water boleh mengenakan bayaran perkhidmatan ini kepada para penghuni rumah di kawasan berkenaan. Sayangnya buat masa ini Indah Water main sapu semua tanpa megnira rumah itu atau bangunan itu disambung dengan sistem pebetungan berpusat ataupun tidak. sebagai contoh yang nyata rumah-rumah atau sekolah yang tidak disambungkan dengan sistem pebetungan berpusat, masih mempunyai tangki pebetungan sendiri dan berasingan dan belum pernah diberi apa-apa perkhidmatan pun oleh Indah Water, tetapi telah dikenakan bayaran oleh pihak Indah Water dalam bil air masing-masing. Adakah patut tidak setitik pun air dari takung pebetungan berasingan ini dibersihkan oleh Indah Water yang biasanya mengalir keluar terus ke longkang dan seterusnya ke sungai? Indah Water minta juga duit dari penghuni rumah berkenaan ataupun pihak sekolah berkenaan.

Saya berharap Yang Berhormat Dato' Dr. Ting Chew Peh mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya terhadap teguran dan pandangan yang dibuat oleh rakyat dan juga persatuan pengguna kita. Jika hari ini kita biarkan syarikat besar menipu rakyat, saya bimbang dan takut satu hari nanti kerajaan kita pula ditipu oleh kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, keempat, saya ingin memberi pandangan dan syor kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalannya serta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana telah berjaya menyelesaikan masalah tuntutan gaji oleh CUEPACS. Semua kakitangan kerajaan sudah merasa lega kerana dapat kenaikan gaji baru, khasnya bagi mereka yang memilih Sistem Saraan Baru (SSB).

Saya berharap Menteri Kewangan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap kakitangan awam yang tidak memilih SSB, boleh atau tidak kerajaan menaikkan gaji mereka yang telah maksimum dalam Skim Gaji Kabinet, jika boleh dan memang saya rasa boleh berapa banyak peruntukan yang perlu ditanggung oleh kerajaan?

Selain daripada itu saya juga berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan boleh mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam menyediakan format baru Borang Penilaian Prestasi kakitangan awam yang boleh diterima dan dipersetujui oleh semua pihak. Bagi saya mungkin tidak adil borang yang sama digunakan untuk menilai prestasi kerja seorang inspektor polis dengan kerja seorang guru, dengan itu saya berharap benar, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dapat menyediakan Borang Penilaian Prestasi yang sebaik mungkin untuk semua peringkat dan kumpulan sektor awam di negeri ini, supaya rasa kecewa dan tidak puas hati kakitangan awam dapat dilaksanakan.

Ada lagi sedikit kemusykilan iaitu adakah Yang Amat Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat sebilangan pegawai undang-undang yang memilih SSB mendapat gaji yang lebih rendah daripada pegawai-pegawai yang tidak memilih SSB, walaupun tarikh masuk perkhidmatan mereka adalah sama di mana perbezaan gaji pegawai yang seramai 6 orang ini ialah RM1,000 tiap-tiap bulan. Ini berlaku kerana pegawai yang tidak memilih SSB telah disahkan dalam Tingkatan kanan diselaraskan gaji pada tangga SSB yang 10 kali lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kelima, saya ingin membuat syor kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan. Kita telah pun mengetahui bahawa Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) akan menjadi UDA Holdings Sdn. Bhd. sebuah syarikat milik kerajaan.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri sentiasa mengawal dan meneliti rancangan yang bakal dibuat oleh UDA Holdings ini bagi menjamin ianya tidak mengalami kerugian seperti MARA Holdings. Saya berharap dengan adanya UDA Holdings, lebih banyak rumah kedai atau ruang niaga di kompleks membeli-belah yang didirikan oleh UDA Holdings nanti diperuntukkan kepada bumiputera.

Saya ingin mengesyorkan agar UDA Holdings nanti bersedia merancang untuk membangunkan tanah milik bumiputera di bandar-bandar lain, di seluruh negara dan tidaklah terlalu memberi tumpuan di Kuala Lumpur semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, keenam dan yang akhir sekali, saya ingin pula memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian. Umum mengetahui bahawa pengeluaran hasil pertanian bagi mana-mana negara di dunia ini tidak stabil, begitu juga hasil pertanian yang menjadi sumber makanan rakyat negara ini, seperti sayuran dan ternakan, dengan itu harga hasil pertanian ini menjadi tidak stabil. Sebagai contoh paling ketara harga sayur sawi meningkat kepada RM5.50 sekilo pada bulan April yang lalu, pada hal bulan-bulan sebelumnya harga sekilo sayur sawi tidak boleh RM2.00.

Isu membunuh anak ayam daging, mewujudkan suasana kelam-kabut. Dalam industri ternak siapakah yang menjadi 'dalang' mewujudkan suasana ini? Saya percaya yang Kementerian Pertanian telah merancang sebaik mungkin supaya harga hasil ternakan dan pertanian negara lebih stabil dan mampu dibeli oleh rakyat. Malah jika keadaan mengizinkan, kita mampu mengeksport hasil pertanian dan ternakan kita seperti yang terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara. Adakah Dasar Pertanian Negara kita telah gagal? Jika benar tidak mengapa? Kita tidak boleh seperti negara Thai yang mampu mengeksport hasil pertanian dan ternak ke Malaysia.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya bagi menyokong Usul Menjunjung Kasih. Terima Kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.

5.48 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25 Mac 1996 baru-baru ini semasa pembukaan rasmi Parlimen Kesembilan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memberi perhatian kepada rakyat jelata seluruh negara, di Malaysia yang kita cintai.

Walau bagaimanapun, negara kita bernasib baik oleh kerana keadaan aman dan rakyat dari berbagai kaum dan agama hidup dalam suasana yang harmoni. Kalau kita

bandingkan dengan beberapa negara lain di seluruh dunia, rusuhan, kacau-bilau dan peperangan berlaku yang merupakan kesusahan dalam semua bidang jikalau berlaku di negara kita. Sekali lagi kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita aman, maju dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam bidang ekonomi kita yang mencapai 9.5% dalam pendapatan per kapita, kita mencapai RM10,000 kepada RM11,000 dengan peningkatan sebanyak 10%. Kita jangan lupa kepada rakyat di luar bandar yang selalu ketinggalan dalam semua bidang, lebih-lebih lagi dari segi ekonomi. Kita harus memberi perhatian kepada rakyat di pedalaman dalam hal ekonomi untuk mengatasi inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum kaum Orang Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan lain di negeri Sarawak tidak lama lagi akan merayakan Hari Gawai, iaitu Pesta Menuai di negeri Sarawak. Ini akan melibatkan banyak wang ringgit untuk mereka membeli-belah, untuk kegunaan musim perayaan Hari Gawai itu nanti. Oleh yang demikian, perkara ini selalu berlaku apabila perayaan menjelang. Beberapa peniaga, lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman telah mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang mereka semasa perayaan ini. Saya minta atau menyeru kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan sentiasa pergi ke tempat pedalaman, daerah di negeri Sarawak, oleh kerana kebanyakan peniaga sentiasa menaikkan harga barang-barang keperluan mereka untuk perayaan Hari Gawai kelak.

Saya beri contoh, setakat ini pemborong ayam. Ayam tua dijual sepatutnya dengan harga kilogram. Harga sepatutnya RM4.50 sekilogram. Tetapi peniaga-peniaga ini langsung tidak memikirkan kemampuan pelanggan-pelanggan, sengaja menjualkan dengan harga borong. Seekor ayam tua, RM10.00. Ini membebankan pelanggan-pelanggan, lebih-lebih lagi mereka dari pedalaman yang berpendapatan rendah. Saya berharap bukan hanya ayam, tetapi barang-barang lain juga kita akan ambil kira. Oleh kerana inilah kesempatan peniaga-peniaga mengambil untung semasa perayaan akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya juga terharu tentang satu pemakluman yang diberi mengatakan ayam tua di Sarawak dijual dengan harga RM10.00. Saya ingin mendapat penjelasan adakah orang Sarawak tidak suka kepada ayam muda? Kerana tidak disebut tentang ayam muda dalam sentuhan ucapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ayam tua RM10.00, ayam muda berapa? Itu sangat dia hendak tahu.

Tuan Jangu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, ayam tua yang digalakkan di pedalaman. Bukan tak mahu ayam muda. Ayam muda harganya RM5.00. Tetapi ayam muda juga kadang-kadang peniaga itu menjual borong juga yang lebih mahal lagi dari ayam tua, iaitu RM12.00 seekor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam bidang kesihatan. Saya bimbang oleh kerana kebanyakan pesakit dari luar bandar akan minta rawatan kepada rumah kesihatan kerajaan. Oleh itu, pesakit-pesakit masuk ke hospital, pesakit-pesakit itu selepas sembuh dia balik, kadang-kadang tidak mampu membayar ubat untuk rawatan mereka. Kadangkala mereka dibebaskan dari bayaran. Saya rasa khuatir oleh kerana tidak lama lagi kerajaan akan mencadangkan perkhidmatan kesihatan akan dikorporatkan. Ini kalau kita tidak meneliti dengan mendalam, ini akan membebankan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Oleh kerana mereka kalau hendak merawat ke hospital memikirkan jikalau hospital sudah dikorporat, mereka akan memikirkan tidak mampu membayar. Kerana itu, saya khuatir kerana mereka takut pergi untuk merawat pesakit ke hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam bidang kuasa bekalan elektrik di kawasan pedalaman, seperti di rumah-rumah panjang, sekolah-sekolah pedalaman yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Saya ingin tahu dari pihak berkenaan, oleh kerana banyak rumah panjang di pedalaman seperti di Sarawak dan juga di Sabah, tidak ada bekalan elektrik setakat ini. Bagaimanakah kita akan mengatasi masalah ini. Kita sedia maklum kebanyakan tumpuan pembangunan akan diberi kepada luar bandar. Ini satu masalah juga kepada sekolah-sekolah pedalaman, jikalau kita hendak memberi atau membekalkan satu atau dua komputer kepada sekolah-sekolah pedalaman. Bagaimana kita akan menggunakan alat komputer itu di sekolah jikalau

bekalan elektrik tidak ada. Saya berharap pihak berkenaan akan mengambil kira berapa lamakah ini akan disampaikan atau diberikan kepada sekolah-sekolah pedalaman. Dengan ini murid-murid kita, lebih-lebih lagi murid-murid dari pedalaman akan dapat menikmati pelajaran komputer di sekolah-sekolah mereka jikalau ada bekalan elektrik wujudnya di sekolah masing-masing.

Setakat ini saya ingin menyentuh sedikit kepastian kepada Kementerian Pendidikan berapa ramaikah guru-guru sudah dilatih untuk mengajar dalam bidang komputer? Setakat ini saya telah difahamkan di negeri Sarawak tidak berapa banyak guru-guru yang dapat melatih murid-murid dengan alat komputer yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya harap Kementerian Pendidikan mengambil lebih berat dalam perkara ini supaya mereka iaitu murid-murid atau penuntut-penuntut di pedalaman akan menikmati perkara ini dengan secepat mungkin dan begitu juga dalam hal pembangunan iaitu jalan raya, lebih-lebih lagi di Sarawak, jalan raya sepanjang 80 kilometer, iaitu dari Simpang Bentong ke Bukit Kayu Malam di sempadan Sarikei, Sarawak belum lagi diturapkan dengan memuaskan. Saya harap Kementerian Kerja Raya akan mengambil perhatian kepada jalan raya ini kerana ini adalah jalan raya utama di negeri Sarawak dari Sarikei ke Kuching dan saya berharap kementerian akan dapat melaksanakan dengan secepat mungkin juga.

Di samping itu saya ingin menyentuh dengan banyak kali - ini telah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai jambatan menyeberangi Sungai Rejang iaitu Jambatan Durin. Setakat ini kita hanya dapat menyeberangi Sungai Rejang dengan pengangkutan feri sahaja. Oleh itu kadangkala dalam musim perayaan, tahun baru, hari raya, cuti umum dan sebagainya, kita mengambil masa untuk menunggu feri membawa kereta menyeberangi Sungai Rejang itu. Kadangkala kita menunggu sehingga 4 atau 5 jam untuk menanti giliran kita menyeberangi Sungai Rejang tadi. Saya berharap pihak berkenaan dapat mengambil perhatian dan memberi keutamaan kepada jambatan ini, kerana inilah semata-mata lalu-lintas dari negara Brunei, jiran kita melintasi ke Sarawak yang melintasi Sungai Rejang ke Kuching dan sebaliknya. Saya harap dengan ini dan saya minta dengan Kementerian Kerja Raya mempercepatkan pembinaan jambatan untuk menyeberangi Sungai Durin ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh hal kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang kita sekarang ini. Kita sepatutnya memberi upah yang lumayan untuk menarik rakyat tempatan bekerja dalam sektor ini. Kita bukan hanya menunggu atau mengambil orang luar dari negara kita untuk bekerja, tetapi kita mesti mengambil kira - kita bukan kekurangan tenaga untuk bekerja di ladang-ladang tetapi oleh kerana upah tidak lumayan mereka tidak sanggup bekerja di ladang-ladang. Orang asing yang datang memperolehi upah yang kecil tetapi mereka sanggup bekerja di ladang-ladang, tetapi lama kelamaan kalau mereka duduk di ladang akan berkahwin dengan orang tempatan dan selepas itu apabila sudah berkahwin apabila habis tempoh masa mereka akan balik dan tinggalkan isteri dan anak mereka. Ini sekali lagi membebankan keluarganya yang tinggal. Saya berharap perkara ini akan diambil kira, dan patut diberi upah yang lumayan kepada mereka untuk menarik mereka bekerja di ladang-ladang di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin meminta perhatian kepada Kementerian Pelancongan. Di negeri Sarawak kita amat kagum oleh kerana banyak tempat pelancongan, untuk menarik, bukan hanya pelancong dari luar negeri tetapi pelancong di negara kita. Oleh kerana banyak infrastruktur yang belum ada, saya berharap tempat-tempat yang sepatutnya kita perbaiki untuk kemudahan-kemudahan pelancong kita melancong ke tempat masing-masing, saya harap kerajaan mengambil berat dalam perkara ini untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Dengan ini, saya berharap semua kementerian yang berkenaan akan mengambil kira dalam teguran dan cadangan saya kali ini. Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Diraja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Krishnan.

6.08 ptg.

Dato' P. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam hormat dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua serta semua Ahli Dewan. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setingginya terima kasih terhadap Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan oleh Baginda semasa merasmikan mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kepercayaan, keyakinan dan kebanggaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap kerajaan Malaysia di bawah pimpinan cemerlang Perdana Menteri kesayangan kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Mahathir Mohamad jelas menyerlah di dalam Titah Ucapan Baginda. Setiap rakyat Malaysia yang bernadi Malaysia, berjiwa Malaysia, bersemangat Malaysia, dengan erti kata yang sebenarnya turut berbangga dan menikmati hasil titik peluh dedikasi kerajaan Malaysia di bawah pimpinan berteladan pemimpin berwawasan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sejak kemerdekaan pelbagai usaha yang komprehensif telah dirancang dan dilaksanakan dalam pelbagai perspektif oleh badan-badan berkanun, badan-badan tidak berkanun, agensi-agensi kerajaan serta kerjasama antara sektor swasta dan perkhidmatan awam untuk merealisasikan pengisian kemerdekaan.

Dasar Ekonomi Baru ditentukan dengan Dasar Pembangunan Negara yang telah merintis jalan kepada Wawasan 2020 di mana Malaysia akan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan gergasi-gergasi ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat disangsikan ucapan Baginda mengenai kekurangan pekerja di kebanyakan sektor seperti perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Lantaran itu kita terpaksa mengimport pekerja mahir dan separuh mahir dari luar negeri untuk menampung keperluan pembangunan negara.

Pekerja-pekerja asing profesional dan semi profesional seperti pakar perubatan, jurutera dan sebagainya memang perlu terus diimport tetapi sebagai penyelesaian jangka pendek sahaja. Usaha-usaha perlu dijalankan untuk mendidik dan melatih tenaga pekerja tempatan kerana kita tidak mungkin boleh terus bergantung kepada pertolongan tenaga pekerja asing ini. Pengaliran teknologi perlu lebih digalakkan dengan mengimport tenaga pengajar serta menggalakkan lebih usaha R&D ini adalah untuk memastikan kemampuan Malaysia dalam menyahut cabaran pembangunan dekad-dekad yang akan datang.

Walau bagaimanapun, kemasukan buruh-buruh asing yang amat diperlukan di sektor-sektor berintensif buruh seperti sektor pertanian dan pembuatan telah menimbulkan banyak masalah sosial seperti peningkatan setinggan, penempatan-penempatan haram dan juga jenayah. Di sini kementerian-kementerian yang terbabit

perlu meningkatkan kawalan ke atas buruh-buruh asing di samping menggariskan strategi untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan membanteraskan kemiskinan melalui peningkatan kemudahan infrastruktur, perumahan, program-program subsidi serta bantuan-bantuan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, bukan sahaja dipuji oleh masyarakat Malaysia tetapi juga oleh negara-negara lain khasnya di Barat.

Namun bak kata orang 'kera di huta disusukan anak di pangkuan mati kelaparan'. Kakitangan Dewan Bandaraya yang sudah pencen ditinggalkan terumbang-ambing, maksud saya selepas berpuluh tahun berkhidmat untuk kerajaan kita, mereka diusir keluar dari tempat kediaman mereka yang selama ini menjadi tempat kehidupan.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' P. Krishnan, ada permintaan laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perumpamaan Bahasa Melayu tadi kalau boleh diperbetulkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa sudah betul, tetapi koma itu salah sedikit.
[Ketawa]

Dato' P. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat!

Tuan Yang di-Pertua: Kera di hutan.....

Dato' P. Krishnan: Oh! Kera di hutan disusukan anak,.....

Tuan Yang di-Pertua: Disusukan koma di situ.

Dato' P. Krishnan: Disusukan, anak dipangkuan mati kelaparan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak mengapalah, semua orang faham! Baik, teruskan Dato'.

Dato' P. Krishnan: Kakitangan Dewan Bandaraya yang sudah pencen ditinggalkan terumbang-ambing, maksud saya selepas berpuluh tahun berkhidmat untuk kerajaan kita, mereka diusir keluar dari tempat kediaman mereka yang selama ini menjadi tempat kehidupan mereka sejak mereka mula berkhidmat dengan kerajaan.

Mereka ini merupakan golongan yang berpendapatan rendah dan bayangkanlah betapa usahanya untuk membeli rumah, inikah balasan kita terhadap rakyat yang sekian lama menabur jasa dan bakti kepada negara ini? Kita seharusnya membenarkan mereka

tinggal di rumah-rumah kepunyaan kerajaan yang sudah sekian lama mereka mendiami sementara menunggu untuk berpindah ke kediaman baru. Manakala suatu program bantuan untuk menolong mereka membeli rumah-rumah kos rendah perlu dijalankan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tanah tumpah darahku, begitulah denyutan nadi serta suara sanubari setiap orang Malaysia, namun begitu terdapat ramai di Malaysia yang berjiwa Malaysia bertungkus-lumus membangunkan negara sejak sebelum mereka yang tidak dibenarkan hak melaungkan slogan ini, ramai penduduk Malaysia yang berketurunan India sudah berpuluh-puluh tahun bermastautin di Malaysia petah berbahasa Malaysia serta menjalankan perniagaan atau menyumbangkan tenaga dan bertumbuh seiring dengan pertumbuhan pesat Malaysia, tetapi masih tidak diberi kewarganegaraan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Dalam Negeri mengikut garis panduan Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan dalam memberikan kewarganegaraan kepada seseorang, akan tetapi saya memohon supaya Kementerian Dalam Negeri mempertimbangkan peruntukan kewarganegaraan kepada penduduk Malaysia yang telah bermastautin di negara ini selama 20 tahun, terutamanya kaum India yang sememangnya tidak berbelah bagi, taat setia kepada raja dan negara. Memandangkan keturunan generasi kedua dan ketiga sudah terus menetap di negara ini. Saya berpendapat berpatutannya mereka diberikan kelayakan kewarganegaraan tanpa ragu-ragu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan tradisi, seni budaya unik, penduduk yang unik dengan budaya masing-masing dan bangsa serta khazanah alam yang sungguh menawan setiap pengunjung. Sektor pelancongan kita telah berkembang begitu pesat sehingga ia merupakan penyumbang yang signifikan kepada pendapatan negara sama ada secara langsung atau tidak.

Untuk makluman bersama, pelancong-pelancong yang mengunjungi Malaysia bukan sahaja datang dari negara-negara Eropah, Amerika bahkan sebilangan besar datang dari negara Asia terutamanya Inida dan negara jiran kita Singapura. Di sini ingin saya mengimbas kembali laporan perangkaan yang dikeluarkan oleh sebuah majalah Akar India, dengan izin, "*the middle clear, Indian are the biggest spenders as tourist in France*

and the second biggest in Singapore,' India menampung populasi lebih 900 juta orang dah lebih kurang 1% daripada jumlah ini mengunjungi Malaysia sebagai pelancong.

Tidak perlu saya menggariskan jumlah perbelanjaan pelancong-pelancong ini di Malaysia mahupun pertukaran asing yang dibawa masuk ke negara ini. Berasaskan perangkaan ini, saya menyeru kepada kerajaan untuk memberi kelonggaran, keistimewaan kepada mereka dalam konteks visa perjalanan demi menyambung kepada peningkatan perolehan ekonomi dan untuk terus menjalinkan perhubungan tradisi berkurun di atas India dan nusantara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin memberi gambaran yang benar kepada Dewan yang mulia ini khasnya kepada Yang Berhormat M. G. Pandithan yang kurang berpengetahuan mengenai kemajuan MAIKA Holdings Berhad. Sejak penubuhannya MAIKA Holdings membayar dividen setiap tahun dan dari 5% hingga 8%. Tahun lepas 7%, tahun ini pula 8%. Berbanding dengan lain-lain syarikat di negara, prestasi MAIKA Holdings semakin bertambah dari tahun ke tahun. Memanglah Yang Berhormat juga seorang ahli MAIKA Holdings yang pernah berminat untuk memburuk-burukkan rumah sendiri tidak tahu kedudukan MAIKA. Yang sebenarnya nilai aset MAIKA kini sudah bertambah tiga kali ganda umpamanya Ladang Tumbuh yang dibeli oleh MAIKA dengan kos RM14 juta kini nilainya bertambah kepada RM140 juta. Jika Yang Berhormat mahu menjual sahamnya di MAIKA, saya sedia membelinya, adakah Yang Berhormat sedia menjual saham-sahamnya?

Tuan Yang di-Pertua: Macam di sini pasaran saham pula. *[Ketawa]*

Dato' P. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang bagi saya menyokong Usul Menjunjung Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong di pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan pada 25 Mac 1996. Sekian, salam hormat dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

6.24 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-

Pertuan Agong yang telah menyentuh semua aspek pembangunan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan para Jemaah Menteri serta sekalian yang bertanggungjawab dengan pengurusan negara. Negara kita sekarang dalam keadaan aman damai dan sukar bagi negara lain untuk bersaing.

Ini semua berkat kerjasama di antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang menjadi tunjang kepada Kerajaan Malaysia dengan rakyat jelata terdiri daripada pelbagai kaum yang sedia ada bertapak di negara ini kerana pemerintahan yang bijaksana itu, maka didorongkan bermacam-macam program yang dapat menjayakan negara ini.

Pertamanya, perkembangan ekonomi negara ini mencatat 8% kenaikan selama lapan tahun berturut-turut dan pada tahun 1995 ianya meningkat kepada 9.5%. Pendapatan per kapita ialah sebanyak RM10,000 pada tahun 1995 dan RM9,000 pada tahun 1996. Kenaikan ini ialah sebanyak 10%. Sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan dan perindustrian dan lain-lain, semua naik taraf dengan penerapan teknologi moden dan canggih. Kerajaan kita sentiasa berikhtiar untuk memajukan negara ini setaraf dengan negara-negara yang sudah pun jauh maju seperti Jepun, Amerika dan negara-negara Eropah. Nampaknya kita boleh bersaing hebat dengan negara-negara yang saya sebutkan itu dalam masa yang singkat.

Sektor-sektor pertanian, pelajaran, sosial, ketenteraan, agama, pelancong dan kawalan keselamatan, semuanya juga dititikberatkan dan banyak perubahan berlaku seakan-akan rakyat negara ini tidak lama lagi akan menjadi rakyat yang benar-benar lebih istimewa daripada rakyat-rakyat negara lain yang maju, bahkan lebih lagi kedudukannya.

Dengan demikian itu, dengan berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalannya, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta para Menteri, Timbalan-timbalannya, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan pemimpin-pemimpin negara in, saya berharap, perkara-perkara berikut dapat diatasi segera.

Yang Pertama, diminta Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan lain-lain kementerian yang juga ada kaitan dengannya supaya dalam merancang segala program pembangunan ini, jangan lupa untuk memberi pertolongan lebih kepada

kumpulan-kumpulan rakyat yang kurang bernasib baik terutamanya di kalangan kaum bumiputera. Saya sebutkan perkara ini, takut-takut dalam keghairahan akan terlupa sumbangan seperti ini.

Yang kedua, diminta supaya pengagihan harta negara ini diselaraskan dengan sebaik mungkin dan jangan buka ruang untuk pihak yang tidak bertanggungjawab membuat tuduhan-tuduhan yang palsu dan merugikan. Dalam hal ini mereka yang di luar bandar perlulah diberi tumpuan yang serius dengan diadakan kawalan-kawalan tertentu daripada pemimpin-pemimpin kita.

Yang ketiga, diminta pemimpin-pemimpin kita juga janganlah sangat sensitif dengan teguran-teguran rakyat, berilah peluang mereka bercakap. Yang baik kita buat teladan dan yang tidak baik kita jadikan sempadan kerana sudah sampai masanya rakyat negara ini mahu berdepan dan kenal sendiri pemimpin-pemimpin negara ini dengan lebih dekat tanpa dicampuri oleh mana-mana pihak.

Saya ingat setakat itulah sahaja kata-kata aluan saya tentang Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

6.29 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bersama-sama membalas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 25 Mac yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk membacakan berita terakhir....

Tuan Yang di-Pertua: Bacakanlah.

Tuan Hanipah bin Ahmad:yang berbunyi 31 firma Taiwan lari.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, berita terakhir.

Tuan Hanipah bin Ahmad:tanpa pembayaran gaji 2,000 pekerja berjumlah RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, macam inilah Tuan Hanipah, kita boleh sambung pada hari Selasa.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Selasa akan datang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

